

"DAN Tuhan kamu berfirman : Berdoalah kepada-Ku nescaya Aku memperkenankan doa kamu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri daripada beribadah kepada-Ku akan masuk Neraka Jahanam dalam keadaan hina".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Ghafir, ayat 60.

KEBAWAH DYMM BERANGKAT MENINGGALKAN JPMC SETELAH MENJALANI RAWATAN

■ Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berangkat meninggalkan Jerudong Park Medical Centre (JPMC) setelah selamat menjalani prosedur pembedahan penggantian sendi lutut kanan (Right Total Knee Replacement) pada Ahad, 28 Rejab 1447 Hijrah bersamaan 18 Januari 2026 Masihi.

Berangkat bagi mengiringi keberangkatan balik Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam dan kerabat diraja.

Sebelum berangkat meninggalkan tempat persemayaman di JPMC, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned.

>> Muka 3



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat meninggalkan Jerudong Park Medical Centre (JPMC) setelah selamat menjalani prosedur pembedahan penggantian sendi lutut kanan (Right Total Knee Replacement). - Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit.

Kehakiman efisien mendukung kepelbagaian ekonomi, menarik pelaburan asing

■ Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Haji Jaya

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Januari. - Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam (NBD) telah mengadakan Majlis Pembukaan Tahun Perundangan 2026 yang

menghimpunkan ahli-ahli kehakiman serta golongan perundangan bagi menandakan permulaan tahun perundangan mahkamah. Majlis dimulakan dengan perbarisan

Kawalan Kehormatan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) yang diperiksa oleh Ketua Hakim Mahkamah Besar, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon.

>> Muka 5

Ujian HPV perkukuh pencegahan kanser serviks

■ Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Januari. - Bulan Januari adalah Bulan Kesedaran Kanser Serviks yang disambut setiap tahun di seluruh dunia dengan tujuan untuk meningkatkan pengetahuan orang ramai mengenai kanser serviks, langkah pencegahannya, dan kepentingan pemeriksaan saringan secara berkala. Kanser serviks adalah salah satu punca kematian dalam kalangan wanita di seluruh dunia.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD), kanser serviks kini menjadi kanser yang kelima paling tinggi dalam kalangan wanita, berbanding pada tahun 2009, di mana ia adalah kanser yang kedua paling tinggi dalam kalangan wanita.

Penurunan kadar insiden ini dikaitkan dengan pengenalan Program Pencegahan dan Kawalan Kanser Serviks Kebangsaan yang telah bermula sejak tahun 2009. Program ini bertujuan untuk mencegah serta

mengurangkan morbiditi dan kematian akibat kanser serviks.

Dalam perutusan sempena Sambutan Bulan Kesedaran Kanser Serviks 2026, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar mengongsikan, antara inisiatif utama di bawah Program Pencegahan dan Kawalan Kanser Serviks Kebangsaan ini ialah penubuhan National Pap Test Registry pada tahun 2011.

>> Muka 6



Berita Utama



KSSUP semarakkan Sambutan Israk Mikraj

Muka 6



KEPIMPINAN akar umbi perlu sentiasa diperkukuh

Muka 8



MEMBARIGAKAN maklumat isu semasa, dasar kerajaan

Muka 12



PERSIAPAN rapi perlu untuk capai kecemerlangan

Muka 31



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar semasa berucap pada Majlis Pelancaran Buku Baharu Terbitan Jabatan Mufti Kerajaan pada Selasa, 13 Januari 2026 yang berlangsung di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

**Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wasaalatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil
Ambiaie Walmursaleen,
Saidina Muhammadin Wa'ala Aalihee
Wasahbihee Ajama'een.
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.**

ALHAMDULILLAH marilah kita sama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah

Menyatukan ilmu rohani dan sains perubatan demi kesejahteraan masyarakat

izin-Nya jua, dapatlah kita berhimpun dalam majlis yang penuh bermakna ini iaitu Majlis Pelancaran Buku Ruqyah, sebuah usaha keilmuan yang menyumbang kepada pemerkasaan kefahaman masyarakat dalam aspek kesejahteraan rohani dan kesihatan jiwa.

Peramba / kaola / saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada penulis, penerbit serta semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan buku ini. Usaha ini bukan sahaja memperkayakan khazanah ilmu Islam, malah mencerminkan keprihatinan bersama terhadap cabaran kesejahteraan mental dan spiritual yang dihadapi masyarakat masa kini.

Dalam pandangan Islam, kesihatan tidak pernah dilihat secara terpisah, sebaliknya difahami sebagai keseimbangan antara jasmani, emosi, akal dan rohani. Amalan rukyah, yang berlandaskan ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa yang sahih daripada sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, adalah merupakan sebahagian daripada ikhtiar kerohanian yang bertujuan mendekatkan diri kepada Allah, menenangkan jiwa dan memohon perlindungan daripada segala bentuk mudarat.

Rukyah yang difahami secara ilmu adalah berupaya menjadi sumber ketenangan, harapan dan kekuatan rohani, khususnya bagi individu yang sedang berhadapan tekanan hidup, keresahan emosi dan ujian kesihatan.

Dalam konteks inilah, penerbitan buku

rukayah yang dilancarkan pada hari ini amat signifikan. Ia bukan sekadar menghimpunkan bacaan dan amalan, tetapi berperanan sebagai panduan berdisiplin, membantu masyarakat membezakan antara amalan rukyah yang sahih dengan amalan yang tidak berlandaskan ilmu, serta mengelakkan penyalahgunaan yang boleh menjejaskan akidah, kesihatan dan keselamatan individu. Buku ini turut menyumbang kepada pembinaan kefahaman yang matang, bahawa amalan kerohanian perlu dipandu oleh ilmu, hikmah dan tanggungjawab.

Sebagaimana yang difahami, Kementerian Kesihatan, memainkan peranan yang penting dalam memastikan pemberian perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat, khususnya di Negara Brunei Darussalam (NBD). Ingin peramba / kaola / saya kongsi bahawa Kementerian Kesihatan, dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, selaku respons kepada Titah sempena Sambutan Israk dan Mikraj Tahun 2024 telah pun merangka beberapa inisiatif dalam usaha menerapkan langkah bersepadu bagi perubatan moden dan perubatan Islam dalam usaha menangani isu penyakit mental. Di antara inisiatif ini, insyaaAllah, salah satu institusi Pendidikan Tinggi di NBD akan ikut serta iaitu Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang akan berperanan dalam membantu mempersiapkan keperluan sumber tenaga manusia dengan memperkenalkan program pembangunan

kapasiti dan kemahiran bagi membantu mempersiapkan para individu dengan ilmu dan kemahiran yang relevan bagi tujuan memberikan rawatan dalam konteks perubatan Islam.

Izinkan peramba / kaola / saya menyentuh peranan perubatan moden dalam menangani kesihatan mental, yang kini diiktiraf sebagai salah satu tumpuan kesihatan awam di NBD. Perubatan moden hari ini berpaksikan pendekatan berasaskan bukti (*evidence-based*), yang menilai kesihatan mental sebagai keadaan klinikal yang boleh dicegah melalui intervensi awal, dirawat melalui rawatan perubatan dan psikologi yang sesuai dan dipulihkan melalui sokongan berterusan serta pemerkasaan sosial.

Penyakit seperti kemurungan, gangguan keresahan, trauma dan tekanan emosi bukanlah kelemahan iman atau peribadi, tetapi keadaan kesihatan yang memerlukan penilaian profesional, rawatan yang selamat dan sokongan menyeluruh. Perubatan moden mengamalkan pendekatan yang melihat pesakit sebagai insan yang menyeluruh iaitu aspek biologi, melalui rawatan perubatan yang selamat dan terkawal, aspek psikologi, melalui kaunseling, psikoterapi dan intervensi emosi dan aspek sosial, melalui sokongan keluarga, komuniti dan persekitaran yang kondusif. Pendekatan ini menegaskan bahawa kesihatan mental tidak boleh ditangani secara terpisah, sebaliknya memerlukan kerjasama pelbagai disiplin dan sektor.

>> Muka 10

WAKTU SEMBAHYANG										
JANUARI MASIHI	HARI	SYAABAN HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
24	SABTU	5	5.04	5.14	6.36	6.59	12.33	3.55	6.29	7.42
25	AHAD	6	5.04	5.14	6.36	6.59	12.34	3.55	6.29	7.42
26	ISNIN	7	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.55	6.30	7.42
27	SELASA	8	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.55	6.30	7.42
28	RABU	9	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.56	6.30	7.43
29	KHAMIS	10	5.05	5.15	6.36	7.00	12.34	3.56	6.30	7.43
30	JUMAAT	11	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
SABTU	AHAD	ISNIN	
Bandar Seri Begawan			
30 23 °C	30 23 °C	30 23 °C	
Pekan Bangar			
30 23 °C	30 23 °C	30 23 °C	
Pekan Tutong			
30 23 °C	30 23 °C	30 23 °C	
Kuala Belait			
30 23 °C	30 23 °C	30 24 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 24 JANUARI 2026

Sembahyang penanda aras tinggi keimanan, rohani

SEMBAHYANG bukan sahaja merupakan kewajipan utama dalam Islam, malah menjadi penanda aras tertinggi keimanan dan kekuatan rohani seseorang Muslim. Individu yang mendirikan sembahyang dianggap menegakkan agama, manakala meninggalkannya seolah-olah meruntuhkan tiang asas Islam itu sendiri.

Sehubungan itu, bertepatan dengan tema Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1447 Hijrah, 'Sembahyang Teras Modal Insan Cemerlang', tema ini menekankan peranan sembahyang sebagai asas penting dalam pembinaan insan yang berdisiplin, berakhlak mulia, berintegriti tinggi serta memiliki jati diri Muslim yang kukuh.

Pensyariatan sembahyang fardu lima waktu merupakan satu keistimewaan dalam Islam apabila ia diperintahkan secara langsung oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam semasa peristiwa agung Israk dan Mikraj di Sidratul Muntaha.

Keistimewaan ini membezakan sembahyang daripada ibadah lain serta menegaskan kedudukannya sebagai teras utama ajaran Islam, bukan sekadar ibadah ritual tetapi asas pembentukan peribadi Muslim yang seimbang dari segi rohani, akhlak dan disiplin diri.

Dari sudut pembentukan disiplin, sembahyang lima waktu berfungsi sebagai sistem pengurusan masa yang berkesan dalam kehidupan seharian. Penetapan waktu sembahyang melatih umat Islam agar menghargai masa, hidup secara teratur serta berdisiplin, di samping mencerminkan kepatuhan terhadap peraturan dan tanggungjawab melaksanakan amanah.

Selain itu, amalan sembahyang yang dilaksanakan dengan penuh penghayatan mampu memupuk akhlak mulia dan integriti dalam diri seseorang. Sembahyang berupaya mencegah perbuatan keji dan mungkar serta membentuk nilai amanah, kejujuran, disiplin dan rasa malu kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Dalam hal ini, akhlak mulia dan ketakwaan menjadi ukuran utama kecemerlangan insan, mengatasi pencapaian material dan akademik semata-mata.

Sembahyang juga berperanan penting dalam mengukuhkan jati diri Muslim. Individu yang menjaga sembahyang didapati lebih berdaya tahan terhadap pengaruh budaya melalaikan serta gaya hidup yang bercanggah dengan nilai Islam.

Penekanan terhadap pendidikan sembahyang sejak usia awal turut diberi perhatian dalam Islam. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menegaskan kepentingan mendidik anak-anak agar mendirikan sembahyang sejak usia tujuh tahun, sekali gus membuktikan sembahyang sebagai asas pembentukan sahsiah dan akhlak mulia sejak peringkat awal kehidupan.

Secara keseluruhannya, sembahyang merupakan satu sistem pendidikan menyeluruh yang membentuk insan berdisiplin, berakhlak, berintegriti serta sejahtera dari segi rohani dan jasmani. - **Ketua Penyuntingan (Zk)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن، جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلّس سندیرین برحد، نگارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Kebawah DYMM berangkat meninggalkan JPMC setelah menjalani rawatan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat meninggalkan Jerudong Park Medical Centre (JPMC) setelah selamat menjalani prosedur pembedahan penggantian sendi lutut kanan (Right Total Knee Replacement).

berpanjangan Kehadapan Majlis baginda.

Baginda juga menzahirkan penghargaan yang mendalam dan merakamkan ucapan terima kasih kepada ketua-ketua negara dan kerajaan serta para dif-dif kerabat diraja atas segala doa dan ingatan baik yang diberikan sepanjang baginda menjalani rawatan.

Dalam masa yang sama, Kebawah DYMM tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada para pakar perubatan dan pasukan perubatan JPMC serta pegawai dan kakitangannya yang terlibat, atas layanan yang amat baik sepanjang persemayaman baginda di sana.

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Damit, Mohammad Hasif Matzin

>> Muka 1

Juga hadir bagi menyebarkan selamat berangkat Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri

ialah Menteri-menteri Kabinet dan Timbalan-timbalan Menteri.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia menzahirkan rasa bersyukur dan ucapan terima kasih kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei

Darussalam, di dalam dan di luar negara, termasuk para pelajar serta pelbagai warga negara asing yang merafakkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala bagi kesembuhan yang segera, kesihatan yang sempurna, dan keafiatan yang



BERANGKAT bagi mengiringi keberangkatan balik Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam dan kerabat diraja (atas), manakala gambar bawah, antara yang berangkat dan hadir bagi menyebarkan selamat berangkat Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan (atas).

ANTARA yang berangkat ke majlis berkenaan (kiri).

KEMENTERIAN PERTAHANAN ADAKAN SAMBUTAN ISRAK MIKRAJ



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir pada majlis berkenaan dan menyempurnakan penyampaian Derma Tabung Infaq ABDB kepada para penerima (atas dan kanan).

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 23 Januari. - Kementerian Pertahanan pagi tadi mengadakan Majlis Sambutan Israk dan Mikraj bagi Tahun 1447 Hijrah bertempat di Masjid Kampung Belimbing, Subok.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, bersama Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif Pertahanan, Pemerintah Tentera Laut Diraja Brunei, pegawai-pegawai kanan dan warga Kementerian Pertahanan.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah, diikuti Kuliah Subuh bertajuk 'Sembahyang Modal Teras Insan Cemerlang' yang disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II,

Jabatanarah Agama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (JAMA'AT ABDB), Awang Mohammad Rif'at Atiyah bin Anwari.

Sejurus itu, program diteruskan dengan bacaan tadarus Al-Quran, Solat Sunat Isyraq, Solat Sunat Hajat dan Solat Sunat Dhuha serta bacaan Doa Selamat dan Kesyukuran Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang dipimpin oleh Ketua Imam Masjid Kampung Belimbing, Subok, Pengiran Haji Muhammad Hafizuddin bin Pengiran Haji Bakar.

Antara perisian majlis ini ialah penyampaian Derma Tabung Infaq ABDB kepada 22 orang anak yatim

dari Kampung Belimbing dan Kampung Subok yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II serta penyerahan wakaf satu set tempat pemandian jenazah dari Masjid Kampung Belimbing, Subok kepada pihak ABDB yang akan disimpan di Bilik Jenazah, Surau Al Quwwah, Perkhemahan Bangar.

Turut diundang sebagai jemputan khas di majlis ini ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara serta jemputan-jemputan yang lain.

Majlis Sambutan Israk dan Mikraj ini turut dilaksanakan secara serentak di kesemua surau Perkhemahan ABDB, termasuk Masjid Pulau Baru-Baru.



Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



Majlis Makan Beradat sempena Sambutan Hari Polis Ke-105



YANG Berhormat Menteri Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Makan Beradat sempena Sambutan Hari Polis Ke-105 (atas dan atas kanan). Manakala gambar bawah kanan, persembahan melodi oleh Pasukan Pancaragam Polis Diraja Brunei.

GADONG, Khamis, 22 Januari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) baru-baru ini telah mengadakan Majlis Makan Beradat sempena Sambutan Hari Polis Ke-105, bertempat di Dewan Bankuet Mes PPDB, Kompleks Ibu Pejabat Polis Gadong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Turut hadir, Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan;

Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Seri Pahlawan Sulaiman bin Alidin; serta Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris.

Semasa majlis berkenaan, tetamu kehormat majlis berkesempatan beramah-mesra bersama pegawai-pegawai kanan PPDB sebelum menandatangani lembaran kenangan di Ruang Legar Dewan Bankuet, disusuli

dengan sesi bergambar ramai bersama Pesuruhjaya Polis dan Timbalan Pesuruhjaya Polis serta para pengarah, timbalan pengarah dan ahli jawatankuasa Mes Pegawai.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan bacaan Doa Selamat dan jamuan makan malam yang diiringi persembahan melodi oleh Pasukan Pancaragam Polis Diraja Brunei.

Sambutan Hari Polis Ke-105 pada tahun ini membawakan tema 'Memperkasa Pasukan Ke Arah Wawasan 2035'.

KEHAKIMAN EFISIEN MENDUKUNG KEPELBAGAIAAN EKONOMI, MENARIK PELABURAN ASING



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II dan Yang Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie semasa hadir pada majlis berkenaan.

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Haji Jaya
Foto : Mohammad Hasif Matzin

>> Muka 1

Majlis diteruskan dengan ucapan daripada Ketua Hakim Mahkamah Besar, yang telah melaporkan mengenai kerja-kerja kehakiman dan penambahbaikan pada tahun lalu, serta menggariskan keutamaan-keutamaan strategik untuk tahun mendatang ini.

Yang Amat Arif dalam ucapannya, telah menggariskan sumbangan kehakiman pada Wawasan Brunei 2035 dalam mendukung kepelbagaian ekonomi dan menarik pelaburan asing.

Jelas Yang Amat Arif, kehakiman yang efisien, berkesan dan cekap yang menyelesaikan pertikaian komersial dengan pantas akan dapat memupuk keyakinan dari kalangan para pelabur dan komuniti perniagaan, dan menambah bahawa integriti kehakiman dan kecekapan yang sedemikian mengurangkan risiko komersial, menggalakkan keusahawanan, serta memberi isyarat pada komuniti perniagaan global bahawa negara ini merupakan destinasi pelaburan yang boleh dipercayai dan menarik.

Yang Amat Arif turut merujuk kepada data dari Bank Dunia di mana NBD menunjukkan kedudukan peratus kedaulatan undang-undang adalah pada tahap 79 peratus pada 2023.

"NBD mencatatkan kedudukan peratus tersebut, iaitu lebih tinggi berbanding kira-kira 79 peratus negara di seluruh dunia dalam kualiti penguatkuasaan kontrak, hak milik, pihak polis dan mahkamah.

"Ini menggambarkan kekuatan persekitaran Kedaulatan Undang-Undang negara dan menempatkannya sebanding dengan negara rakan sejawat seperti Republik Singapura (98 peratus), Jepun (92 peratus), Pentadbiran Khas Hong Kong (Hong Kong SAR - 88 peratus) dan Republik Korea (86 peratus)," kata Yang Amat Arif lagi.

Yang Amat Arif seterusnya menggariskan perkembangan utama kehakiman sepanjang tahun lalu. Yang paling utama dalam usaha-usaha berkenaan merupakan perkembangan penaiktarafan Judiciary Case Management System (JCMS 2.0) yang disasarkan pelancarannya pada 2027.

Penambahbaikan prosedur sivil kata Yang Amat Arif, juga sedang berjalan dengan kajian komprehensif sedang dilaksanakan untuk meneliti Peraturan Mahkamah Besar. Penambahbaikan insolvensi kekal menjadi keutamaan, dengan jawatankuasa yang ditubuhkan untuk menilai rangka kerja kebangkrutan dan insolvensi semasa, serta inisiatif keadilan

keluarga juga telah berkembang dengan kumpulan kerja menilai proses-proses perceraian, pengangkatan anak dan mahkamah juvana.

Selanjutnya, dalam data jumlah kes 2025, Mahkamah Besar telah merakamkan peningkatan pemfailan sivil seiring dengan jumlah kes jenayah berskala besar.

"Mahkamah perantaraan berterusan mentadbir jumlah kerja yang signifikan, terutamanya dalam kes-kes komersial, dengan peningkatan dalam pemfailan jenayah di semua daerah, serta pengecualian kes trafik jalan raya yang mengalami penurunan secara menyeluruh.

"Dari sudut perkara kebangkrutan dan insolvensi pula, sejumlah besar bilangan perintah penerimaan, perintah penghakiman dan perintah penggugungan syarikat telah diluluskan.

"Pendaftaran Perkahwinan Sivil melihat peningkatan dalam pendaftaran perkahwinan dan penurunan yang bersamaan dalam petisyen perceraian.

"Angka-angka ini menunjukkan skop kerja badan kehakiman berterusan terhadap perkhidmatan serta sumber mahkamah," ujar Yang Amat Arif.

Yang Amat Arif selanjutnya berkata, kerjasama antarabangsa dan serantau menjadi tumpuan utama dalam 2025. Pencapaian penting yang digariskan oleh Ketua Hakim merupakan Memorandum

Kesefahaman (MoU) yang diperbaharui dalam kerjasama kehakiman yang ditandatangani antara Mahkamah Besar NBD dan Mahkamah Besar Republik Rakyat China.

Kehakiman juga kata Yang Amat Arif, telah mengambil bahagian dalam forum antarabangsa yang signifikan antara NBD, Malaysia dan Republik Singapura dan penglibatan pelbagai hala melalui Majlis Ketua-ketua Hakim ASEAN (CACJ) dan Persatuan Undang-undang ASEAN (ALA).

Kerjasama dua hala dengan rakan kerjasama utama iaitu Australia, Malaysia, Republik Singapura dan United Kingdom tambah Yang Amat Arif, terus diperkukuh melalui pertukaran profesional dan lawatan-lawatan.

Yang Amat Arif turut mengemas kini kerja yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Hal Ehwal Undang-undang Bersama (JLAC) yang terus berkolaborasi bekerjasama dengan Kehakiman, Pejabat Peguam Negara dan Persatuan Undang-undang dalam memperkukuh profesion perundangan.

Pencapaian utama ujar Yang Amat Arif, termasuk penyempurnaan edisi kedua Garis Panduan Anugerah Kecederaan Peribadi, perkembangan pindaan pada Akta Profesi Perundangan dan Peraturan dan sokongan projek perintis bagi Skim 'Court Friends' yang bertujuan memperbaiki akses keadilan pada litigasi sendiri.

Inisiatif utama terang Yang Amat Arif lagi, bagi 2026 telah diumumkan, termasuk peningkatan pada penglibatan pelajar melalui program 'Hari Terbuka Mahkamah' yang dicadangkan dan Program perintis Latihan Industri Kehakiman yang bertujuan memupuk bakat perundangan masa depan dan memperbaiki kefahaman orang awam tentang sistem keadilan.

"Penambahbaikan keadilan juvana juga disenaraikan sebagai salah satu keutamaan, dengan penekanan pada pemulihan, amalan restoratif dan tindakan awal.

"Kehakiman juga telah menyediakan garis panduan mengenai penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) secara bertanggungjawab oleh pegawai mahkamah, dan panduan berhubung dengan kemasukan ke Badan Guaman yang akan diteliti dengan kolaborasi bersama Persatuan Undang-undang," ujar Yang Amat Arif.

Dalam mengakhiri ucapannya, Yang Amat Arif mengulang semula bahawa 'pentadbiran keadilan yang berkesan merupakan usaha kolektif seluruh komuniti'.

Yang Amat Arif juga menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada hakim-hakim, pegawai kehakiman, kakitangan mahkamah, profesi undang-undang dan agensi penguatkuasa undang-undang atas dedikasi berterusan, dengan menyatakan bahawa penambahbaikan dan inisiatif-inisiatif yang digariskan untuk 2026 menggambarkan komitmen bersepadu untuk keadilan dan demi mendukung kedaulatan undang-undang di NBD.

Pada majlis berkenaan juga, Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib; dan Naib Presiden Persatuan Undang-Undang, Tuan On Hung Zheng, yang mewakili peguambela dan peguamcara di NBD turut memberikan ucapan masing-masing.

Hadir pada majlis berkenaan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Ketua Hakim Syarie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar serta Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu.

Turut hadir, Duta-duta Besar, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi dan ahli-ahli diplomatik, pegawai-pegawai kanan kerajaan, pegawai-pegawai Kehakiman dari Mahkamah Sivil dan Syariah, Pejabat Peguam Negara, Persatuan Undang-undang dan ahli-ahli dari agensi penguatkuasa kerajaan serta pelajar-pelajar dari institusi pendidikan.



YANG Amat Arif Ketua Hakim Mahkamah Besar semasa berucap pada Majlis Pembukaan Tahun Perundangan 2026.

Permohonan SBPP Sesi Akademik 2026/2027 dibukakan

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

BERAKAS, Rabu, 21 Januari. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengurusan Biasiswa sukacita memaklumkan bahawa permohonan bagi Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan (SBPP) bagi Sesi Akademik 2026/2027 akan dibukakan bermula pada Khamis, 22 Januari 2026, jam 8.30 pagi dan akan ditutup pada Khamis, 26 Februari 2026, jam 4.00 petang.

Pemohon yang berminat adalah dikehendaki untuk

memohon sekurang-sekurangnya satu program yang ditawarkan di institusi pengajian tinggi awam dalam negeri (bagi pemohon yang belum mengikuti pengajian di mana-mana institusi) melalui Higher Education Centralised Admission System (HECAS).

Pemohon juga dikehendaki untuk menghadapkan borang permohonan (*softcopy*) yang telah lengkap diisi berserta dokumen berkaitan melalui e-mel

sbpp@moe.gov.bn, di samping menghadapkan salinan fizikal (*hardcopy*) dokumen yang berkaitan termasuk borang permohonan SBPP dan HECAS (jika berkenaan) ke Kaunter 3, Jabatan Pengurusan Biasiswa, Pusat Perkhidmatan Setempat, Blok C, Aras Bawah, Kementerian Pendidikan sebelum atau tidak lewat dari tarikh tutup permohonan SBPP.

Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan SBPP hanya akan ditawarkan sekali setahun

sahaja.

Pemohon yang belum memperoleh keputusan rasmi adalah dikehendaki untuk menghadapkan keputusan ramalan (*predicted results*) yang dikeluarkan oleh sekolah atau institusi masing-masing.

Walau bagaimanapun, keputusan permohonan SBPP adalah tertakluk kepada keputusan rasmi yang akan diperoleh nanti.

Borang permohonan boleh didapati melalui laman sesawang

Kementerian Pendidikan di www.moe.gov.bn.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara berkenaan bolehlah menghubungi Jabatan Pengurusan Biasiswa, Kementerian Pendidikan melalui telefon pejabat +673 2380019 (Isnin hingga Khamis dan Sabtu, jam 7.45 pagi hingga 12.15 tengah hari dan 1.30 petang hingga 4.30 petang) atau e-mel sbpp@moe.gov.bn atau scholarship@moe.gov.bn.



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi (atas), manakala gambar bawah, turut hadir, pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan daripada KSSUP.



KSSUP SEMARAKKAN SAMBUTAN ISRAK MIKRAJ

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Januari. - Sambutan Israk dan Mikraj masih giat diadakan di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan di negara ini.

Israk dan Mikraj bukan sekadar perjalanan luar biasa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dari Masjidilharam ke Masjid al-Aqsa dan seterusnya ke Sidratulmuntaha di langit tetapi ia juga bukti kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala serta pengukuhan iman bagi umat Islam.

Peristiwa tersebut membawa banyak pengajaran penting bagi sekalian umat Islam untuk memantapkan iman serta ketaatan dan dapat memahami lagi makna dan pengajaran penting di sebalik peristiwa itu.

Sehubungan itu, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) serta jabatan-jabatan di bawahnya pagi tadi mengadakan Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Tahun 1447

Hijrah / 2026 Masihi yang diselenggarakan oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan bertempat di Dewan Setia Pahlawan, KSSUP.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap, KSSUP, Dayang Hajah Tutiatiy binti Haji Abdul Wahab; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, KSSUP; ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan daripada KSSUP serta jabatan-

jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diikuti dengan Ceramah Khas bertajuk 'Sembahyang Teras Modal Insan Cemerlang' yang disampaikan oleh Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Muhammad Nasyith bin Superi.

Majlis tersebut merupakan salah satu aktiviti keagamaan tahunan KSSUP yang bertujuan untuk menyemarakkan lagi sambutan hari-hari kebesaran Islam, di samping mengeratkan hubungan silaturahmi dalam kalangan warga KSSUP serta jabatan-jabatan di bawahnya.



CERAMAH Khas bertajuk 'Sembahyang Teras Modal Insan Cemerlang' yang disampaikan oleh Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Muhammad Nasyith bin Superi.

Ujian HPV perkukuh pencegahan kanser serviks

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

>> Muka 1

"Melalui inisiatif ini, pendekatan saringan kanser serviks oportunistik telah digantikan dengan sistem yang lebih teratur, di mana wanita berumur di antara 20 hingga 65 tahun dijemput untuk menjalani pemeriksaan serviks secara rutin setiap tiga tahun melalui surat jemputan yang dikirimkan melalui pos," jelas Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Dalam masa yang sama, tambah Yang Berhormat, Program Vaksinasi Humanpapilloma Virus (HPV) turut diperkenalkan pada tahun 2011, yang menawarkan vaksinasi HPV kepada semua wanita sehingga umur 45 tahun.

Menurut Yang Berhormat, pada tahun 2012, program ini diperluaskan secara *school-based* di seluruh negara dengan sasaran remaja perempuan di Tahun 7 sekolah menengah. Dari tahun 2012 hingga 2021, vaksin *bivalent* dan *quadrivalent* telah digunakan, manakala sejak tahun 2022 pula, vaksin *nonavalent* telah mula digunakan.

Yang Berhormat berkata, jenis dan dos vaksin yang diberikan adalah berdasarkan amalan berasaskan bukti serta ketersediaan vaksin. Liputan vaksin HPV di NBD adalah tinggi dan konsisten, iaitu melebihi 90 peratus setiap tahun, sejajar dengan sasaran Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang menetapkan 90 peratus remaja perempuan berumur 15 tahun divaksin sepenuhnya.

Seiring dengan perkembangan teknologi, pada bulan Ogos 2024, Kementerian Kesihatan ujar Yang Berhormat telah mula memperkenalkan ujian HPV sebagai kaedah utama (*primary*

test) saringan kanser serviks, menggantikan Ujian Pap yang digunakan sebelum ini.

"Ujian HPV merupakan kaedah berteknologi tinggi yang disyorkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan mampu mengesan jangkitan HPV berisiko tinggi seperti HPV 16 dan HPV 18 sebelum berlakunya perubahan pada sel-sel serviks.

"Berbeza dengan Ujian Pap yang hanya mengesan selepas perubahan sel berlaku, ujian HPV menawarkan pengesanan lebih awal. Selain itu, pengambilan sampel boleh dilakukan oleh wanita itu sendiri (*self-sampling*), tanpa penggunaan *speculum*, yang mana ia dapat memberikan fleksibiliti dan privasi yang lebih tinggi kepada setiap wanita dan ia dijangka dapat meningkatkan kadar penyertaan saringan kanser serviks dalam kalangan wanita," ujar Yang Berhormat.

Sementara itu, Kementerian Kesihatan tambah Yang Berhormat, turut mengemas kini dan melancarkan Garis Panduan Pencegahan dan Kawalan Kanser Serviks Kebangsaan pada Januari 2025.

Garis panduan ini berfungsi sebagai satu dokumen rujukan teknikal yang komprehensif bagi profesional kesihatan dan penggubal dasar, selaras dengan amalan berasaskan bukti (*evidence-based practices*) dan saranan terkini.

Garis panduan ini jelas Yang Berhormat, merangkumi komponen utama berkaitan pencegahan, pengesanan awal, serta pengurusan klinikal kanser serviks yang dapat dijadikan sebagai amalan klinikal dan pendekatan rawatan bagi kanser serviks, sekali gus bagi

memperkuhkan usaha pencegahan dan kawalan penyakit tersebut di NBD.

Di samping itu, kata Yang Berhormat, satu lagi inisiatif baharu telah diperkenalkan melalui aplikasi BruHealth ialah ciri penilaian risiko kanser serviks. Melalui ciri ini, setiap wanita yang memenuhi kriteria bolehlah menjawab beberapa soalan saringan bagi menentukan sama ada ujian HPV adalah disarankan ataupun tidak. Wanita yang disyorkan untuk menjalani ujian HPV seterusnya boleh membuat perjanjian sendiri melalui aplikasi BruHealth.

Sejajar dengan Global Strategy to Accelerate the Elimination of Cervical Cancer as a Public Health problem, WHO, jelas Yang Berhormat, telah menetapkan sasaran 70 peratus wanita disaring menggunakan kaedah yang berteknologi tinggi pada umur 35 tahun dan sekali lagi pada usia 45 tahun.

Sebelum pengenalan Ujian HPV, tahap penyertaan atau liputan penyaringan kanser serviks dengan menggunakan Ujian Pap adalah lebih kurang 50 peratus pada tahun 2018.

Menurut kajian tempatan, di antara tiga sebab tertinggi ketidakhadiran Ujian Pap ialah kebimbangan terhadap keputusan yang tidak diingini, perasaan malu dan kekurangan masa disebabkan komitmen rumah tangga.

"Sejak ujian HPV ini diperkenalkan pada Ogos 2024 hingga Ogos 2025, sebanyak 9248 Ujian HPV telah dijalankan. Jumlah ini menunjukkan peningkatan berbanding purata tahunan Ujian Pap yang dijalankan sebelum ini, iaitu kira-kira 3505 ujian setahun dari tahun 2009 hingga 2024, serta kira-kira 3,122 Ujian Pap dari Ogos 2023 hingga Ogos 2024.



Walau bagaimanapun, pemantauan dan data tambahan masih diperlukan bagi mengesahkan trend peningkatan ini.

"Secara keseluruhan, dari tahun 2009 hingga 2024, seramai 58,884 wanita telah menjalani sekurang-kurangnya satu pemeriksaan saringan kanser serviks sepanjang hayat, daripada populasi sasaran iaitu seramai 88,080. Jumlah ini menunjukkan liputan saringan kanser serviks di NBD dari tahun 2009 hingga 2024 ialah sebanyak 66.9 peratus," terang Yang Berhormat.

Dengan pengenalan ujian HPV ini jelas Yang Berhormat lagi, Kementerian Kesihatan berharap liputan saringan kanser serviks di

Negara Brunei Darussalam dapat ditingkatkan lagi memandangkan kaedah ini lebih diterima oleh wanita, khususnya mereka yang kurang selesa dengan pemeriksaan menggunakan *speculum*.

"Peningkatan liputan saringan membolehkan perubahan pra-kanser atau kanser dikesan lebih awal supaya rawatan dapat diberikan dengan segera, seterusnya mengurangkan beban penyakit.

"Oleh itu, sama-samalah kita berusaha untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap kepentingan saringan kanser serviks," tambah Yang Berhormat mengakhiri perutusan.

KKBS MEMPERINGATI PERISTIWA AGUNG ISRAK MIKRAJ



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Tahun 1447 Hijrah bersamaan 2026 Masihi di Dewan Digadong, KKBS.

BERAKAS, Khamis, 22 Januari. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) telah mengadakan Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Tahun 1447 Hijrah bersamaan 2026 Masihi di Dewan Digadong, KKBS.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Bagi memohon keberkatan majlis, acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh Pembantu Perkembangan Ugama, Pusat Pembangunan Belia, KKBS, Awang Muhammad Nabil bin Haji Roslan.

Seterusnya, majlis turut diserikan dengan Ceramah Khas bertajuk 'Sembahyang Teras Modal Insan Cemerlang' yang disampaikan oleh Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Mohammad Nasyith bin Superi.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Khas bagi kesihatan dan kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Doa Allah Peliharakan Sultan.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Pemangku Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua bahagian dan jabatan

serta pegawai dan kakitangan KKBS.

Majlis berkenaan merupakan salah satu aktiviti tahunan keagamaan KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya yang bertujuan untuk memperingati dan menyemarakkan peristiwa Israk dan Mikraj Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang telah menjadikan asas pengisytiharan solat lima waktu kepada umat Islam dan memberikan kesedaran untuk mengamalkan solat dengan lebih khusyuk dan sempurna.



CERAMAH Khas disampaikan oleh Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Mohammad Nasyith bin Superi.

BDCB lancar 4 produk kenang-kenangan



EMPAT jenis produk yang akan diperkenalkan ialah Duit Syiling Emas, Duit Syiling Perak, Duit Syiling Kupronikel, serta Foil Emas, yang julung kalinya diperkenalkan oleh BDCB (atas dan atas kanan).

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Januari. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) akan melancarkan empat jenis produk kenang-kenangan bersempena memperingati Ulang Tahun Jubli Intan Perkahwinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam.

Pengumuman berkenaan disampaikan oleh Pengarah Eksekutif, Pengurusan Mata Wang

BDCB, Pengiran Maslina binti Pengiran Haji Mahmud.

Menurutnya, empat jenis produk yang akan diperkenalkan ialah Duit Syiling Emas, Duit Syiling Perak, Duit Syiling Kupronikel, serta Foil Emas, yang julung kalinya diperkenalkan oleh BDCB.

"Keempat-empat produk berkenaan menampilkan potret mesra Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha semasa Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas (ICC) pada 2017," jelasnya.

Dari segi reka bentuk terangnya, motif tenunan tradisional 'Kain Si Lubang Bangsi' digunakan secara eksklusif sebagai elemen utama hiasan, melambangkan kehalusan seni, nilai budaya serta warisan tempatan.

Reka bentuk katanya lagi, turut diserikan dengan gabungan angka '60' dalam bentuk angka Roman dan Jawi, yang melambangkan ikatan kebersamaan, kasih sayang dan keharmonian sepanjang enam dekad perkahwinan diraja.

"Bahagian belakang foil emas kenang-kenangan pula menampilkan lambang peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri, sebagai simbol kedaulatan serta keteguhan institusi diraja yang dikasihi rakyat.

"Dari segi komposisi dan harga, Duit Syiling Emas diperbuat daripada emas 999.9 seberat 31.1



gram (g) dengan nilai muka BND600 dan dijual pada harga asas BND6,700 tertakluk kepada harga pasaran emas semasa.

"Duit Syiling Perak pula diperbuat daripada perak 999 seberat 31.1g dengan nilai muka BND60 dan dijual pada harga BND560," katanya.

Pengiran Maslina seterusnya mengongsikan Duit Syiling Kupronikel diperbuat daripada bahan kupronikel dengan berat 28g dengan nilai muka BND6 dan ditawarkan pada harga jualan BND360. Sementara itu, Foil Emas diperbuat daripada emas 999.9 seberat 1g dan dijual pada harga asas BND450, tertakluk kepada harga pasaran semasa.

Produk kenang-kenangan berkenaan boleh didapati sempena Pesta Pengguna dan Ekspo Perdagangan Ke-32 (32nd Consumer Fair & Trade Expo) bermula Rabu, 28 Januari 2026 hingga Ahad, 1 Februari 2026.

Orang ramai bolehlah

mengunjungi reruai BDCB di P21 hingga P23 yang terletak di Dewan Plenary, ICC.

Waktu jualan adalah dari jam 10.00 pagi hingga 8.30 malam, manakala pada Jumaat dari jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 2.00 petang hingga 8.30 malam.

Selepas pesta berkenaan, orang ramai juga boleh mendapatkan produk berkenaan bermula Isnin, 2 Februari 2026 di Gift Shop BDCB, Tingkat 1, Bangunan BCMB, Kompleks Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive.



PENGARAH Eksekutif, Pengurusan Mata Wang BDCB, Pengiran Maslina binti Pengiran Haji Mahmud semasa membuat pengumuman.

PELUANG MELANJUTKAN PENGAJIAN TINGGI DI REPUBLIK TURKIYE

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan



TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turkiye ke Negara Brunei Darussalam semasa hadir bagi menyampaikan taklimat mengenai Republik Turkiye, sistem pendidikan, dan peluang biasiswa yang ditawarkan oleh Kerajaan Republik Turkiye di Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (atas dan kiri).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Januari, - Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turkiye ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Hamit Ersoy, telah menyampaikan taklimat mengenai Republik Turkiye, sistem pendidikan, dan peluang biasiswa yang ditawarkan oleh Kerajaan Republik Turkiye di Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI).

Sesi berkenaan dihadiri oleh

pemimpin sekolah dan guru pendidikan kerjaya daripada sekolah-sekolah menengah kerajaan dan maktab senegara, serta pegawai-pegawai dari Unit Pendidikan Kerjaya, Jabatan Sekolah-sekolah (JSS), Kementerian Pendidikan. Setelah taklimat berakhir, sesi soal jawab telah diadakan.

Pada penghujung majlis, Ketua Unit Pendidikan Kerjaya, Bahagian Akademik, Program dan Perkhidmatan Pendidikan, JSS,

Kementerian Pendidikan, Dr. Andree Asmara bin Haji Abidin, telah menyampaikan sijil dan tanda penghargaan kepada Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Hamit Ersoy.

Sesi taklimat berkenaan merupakan inisiatif bersama antara pihak Kedutaan Republik Turkiye di NBD dan Unit Pendidikan Kerjaya, Bahagian Akademik, Program dan Perkhidmatan Pendidikan, JSS, Kementerian Pendidikan, susulan

daripada mesyuarat yang diadakan pada Oktober 2025.

Taklimat berkenaan bertujuan untuk memaklumkan kepada pemimpin sekolah dan pendidik daripada sekolah menengah kerajaan dan maktab di NBD mengenai peluang untuk melanjutkan pengajian tinggi di Republik Turkiye melalui biasiswa tajaan kerajaan.

Sesi berkenaan juga diharap dapat menggalakkan lebih ramai pelajar NBD untuk

mempertimbangkan Republik Turkiye sebagai destinasi utama bagi tujuan akademik mereka pada masa hadapan.

Sebelum ini, Kedutaan Republik Turkiye telah menyampaikan beberapa sesi taklimat di Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Pusat Tingkatan Enam (PTE) Sengkurong, PTE Meragang, PTE Tutong dan PTE Belait bermula November 2025.

Kepimpinan akar umbi perlu sentiasa diperkukuh



SETIAUSAHA Tetap (Perbandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hadir pada Majlis Penyampaian Sijil Lantikan Penghulu Mukim Zon 1, Ketua Kampung Amo, Mukim Amo dan Ketua Kampung Bokok, Mukim Bokok Daerah Temburong.

TEMBURONG, Khamis, 22 Januari, - Peranan penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung pada hari ini telah

berubah dengan jelas iaitu selari dengan perubahan Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung yang telah

dikuatkuasakan.

Tujuan utama Skim Perkhidmatan ini ialah bagi mempertingkatkan, memperkukuh dan memantapkan lagi kewibawaan, mutu atau kualiti kepimpinan serta keberkesanan Institusi Penghulu dan Ketua Kampung sebagai teras kepimpinan akar umbi.

"Dengan erti kata yang lain, Institusi Penghulu dan Ketua Kampung yang diakui atau diiktiraf sebagai teras kepimpinan akar umbi yang berwibawa adalah perlu sentiasa diperkukuh dan dimantapkan demi menjamin kepimpinan yang bermutu lagi berkesan di peringkat akar umbi," demikian ujar Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Abdul Walid bin Haji Matassan semasa berucap pada Majlis Penyampaian Sijil Lantikan Penghulu Mukim Zon 1, Ketua Kampung Amo, Mukim Amo dan Ketua Kampung Bokok, Mukim Bokok Daerah Temburong bertempat di Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Temburong, hari ini.

Oleh itu, tambah Awang Abdul Walid, penyandang jawatan penghulu dan ketua kampung yang telah dilantik hendaklah individu-individu yang berkebolehan membawakan kepimpinan yang berkesan dan berkualiti itu kepada anak buah masing-masing di mukim dan di kampung. Kepimpinan ini adalah penting dalam sama-sama menangani cabaran monumental iaitu cabaran merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Dalam mencapai Wawasan Brunei 2035, ujarinya, KHEDN

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



telah melaksanakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Penghulu Mukim dan Ketua Kampung mulai Februari 2024.

Tambah beliau, ia adalah merupakan kaedah mengukur pencapaian prestasi atau tahap pencapaian setiap penghulu mukim dan ketua kampung sebagai mata, telinga dan lidah kerajaan dan penduduk mukim dan kampung dalam menjaga serta mengawasi kepentingan, kesejahteraan, kebajikan dan keselamatan kampung berbanding sasaran yang ditetapkan berasaskan *performance-based*.

Acara kemudiannya menyaksikan Majlis Penyampaian Sijil Lantikan dan Bacaan Ikrar serta Majlis Menandatangani Ikrar.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan ucapan daripada Penghulu Mukim Tingkat III, Mukim Zon 1, Awang Arbi bin Haji Shahari,

selaku wakil penghulu mukim dan ketua-ketua kampung yang telah dilantik.

Majlis seterusnya beredat ke kediaman penghulu mukim dan ketua-ketua kampung bagi Perasmian Papan Tanda Penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung yang telah dilantik.

Turut hadir, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau; pegawai-pegawai Kanan di KHEDN, pemangku penghulu mukim, ketua-ketua kampung, pemangku ketua-ketua kampung dan Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta penduduk-penduduk Mukim Zon 1 (Bangar, Batu Apoi dan Labu), Kampung Bokok dan Kampung Amo.



SEKITAR Majlis Penyampaian Sijil Lantikan dan Bacaan Ikrar serta Majlis Menandatangani Ikrar (atas kiri, atas kanan dan atas sekali kanan).

SENTIASA AMALKAN SAYYIDUL ISTIGHFAR



Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Azmah Haji Ahad

Mumin.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Dayang Hajah Norazimah binti Haji Abu Bakar.

Seterusnya diikuti dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Ketua Kumpulan Ta'lim Darussalam, Dayang Hajah Siti Mariam binti Haji Md. Ja'afar.

Dalam ucapannya menyatakan Ta'lim Darussalam merupakan sebuah kumpulan informal

Muslimah yang telah ditubuhkan pada tahun 2021.

Sejak dari itu, Ta'lim Darussalam katanya, terus menjalankan beberapa program pengajian secara *online* dan *offline* seperti program Tahsin, Tadaraus, Taddabur dan Tazkirah bersama para Asatizah tempatan dan luar negeri.

Pada majlis itu diserikan dengan tazkirah bertajuk 'Husnul Khatimah Dambaanku' yang disampaikan oleh Pensyarah, Fakulti Undang-Undang, Universiti Islam



MAJLIS Ilmu Husnul Khatimah Dambaanku bertempat di Pusat Da'wah Islamiah dihadiri oleh Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (atas), manakala gambar atas kiri, tazkirah disampaikan oleh Pensyarah, Fakulti Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Widad binti Profesor Madya Dato Dr. Haji Abdul Aziz Hanafi.

Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Widad binti Profesor Madya Dato Dr. Haji Abdul Aziz Hanafi yang antaranya menyeru kita untuk membaca Sayyidul Istighfar yang merupakan cara kita Husnul Khatimah selain memperbanyakkan amalan kebaikan di dunia.

Majlis kemudian diteruskan

dengan persembahan Selawat yang dibawakan oleh Kumpulan Ta'lim Darussalam dan diakhiri dengan Doa Penutup oleh Dr. Widad.

Dengan adanya majlis ini diharap akan dapat menjadi wadah untuk kita mendapat banyak lagi panduan dan rahmat dalam menggapai Husnul Khatimah.

Memperluas jaringan perniagaan di Makan Fest 1.0



Oleh : Aimi Sani
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BERAKAS, Jumaat, 23 Januari. - Makan Fest 1.0, yang julung kali dianjurkan di negara ini, berjaya menghimpunkan gabungan pengusaha makanan tempatan dan dari Malaysia dengan objektif utama memperkenalkan kepelbagaian menu kepada orang ramai di samping menyokong serta memperkasa perkembangan usahawan tempatan.

Acara yang berlangsung di

kawasan Stadium Negara Hassanah Bolkiah ini memberi peluang kepada pengunjung untuk menikmati pelbagai jenis hidangan termasuk makanan tradisional, kontemporari dan trend semasa yang semakin mendapat sambutan.

Lebih 130 pengusaha makanan menyertai Makan Fest 1.0 yang menampilkan kepelbagaian pilihan hidangan tempatan dan

PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara hadir pada perasmian Makan Fest 1.0.

antarabangsa, sekali gus menawarkan pengalaman kulineri yang unik kepada para pengunjung.

Selain menjadi platform promosi, penganjuran festival ini turut membuka ruang kepada para peniaga untuk memperluaskan jaringan perniagaan serta meningkatkan pendedahan jenama masing-masing.

Hadir merasmikan Makan Fest 1.0 ialah Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubarak bin Pengiran Haji Hashim.

Makan Fest 1.0 yang bermula sejak 21 Januari lalu itu akan berlangsung sehingga Ahad ini, 25 Januari dengan waktu operasi dari pukul 11.00 pagi hingga 12.00 tengah malam.

Sambutan yang diterima sepanjang penganjuran acara tersebut amat menggalakkan, dengan kehadiran orang ramai yang berterusan dari siang hingga ke malam, sekali gus menjadikan festival ini sebagai antara acara yang dinanti-nantikan.

Penganjuran festival ini bukan sahaja menjadi platform promosi kepada para usahawan, malah turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara khususnya dalam sektor makanan dan perniagaan, selaras dengan usaha menggalakkan keusahawanan serta meningkatkan aktiviti perdagangan tempatan.

Seorang pengunjung, Pengiran Rosiana binti Pengiran Rositi dari Rancangan Perumahan Negara Kampung Panchor ketika ditemui berkata suasana di tapak festival adalah luas dan selesa, selain memudahkan orang ramai untuk membeli serta memilih makanan dan minuman yang ditawarkan.

Menurutnya, lokasi penganjuran yang strategik serta kemudahan tempat letak kereta yang mencukupi turut menjadi faktor

Filem 'Cigu Jumat' kembali ditayangkan

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 23 Januari. - Tayangan filem tempatan 'Cigu Jumat' buat kali kedua kembali ditayangkan di pawagam tempatan dengan membawa tema 'Semangat Kembali Ke Sekolah', bertujuan untuk menyuntik inspirasi serta motivasi kepada para guru dan pelajar.

Filem yang mengisahkan tentang kehidupan seorang guru ini merupakan filem tempatan pertama terbitan Seni Kreatif Production.

Watak utama, Cigu Jumat, dilakonkan oleh individu yang sama memegang peranan sebagai pengarah, penerbit serta penulis skrip filem berkenaan.

Filem 'Cigu Jumat' merupakan hasil inisiatif Authority for Info-Communications Technology Industry of Brunei Darussalam (AITI) dan mendapat sokongan dari OOPS! menerusi Program Pitch & Produce 5.0, yang bertujuan menggalakkan penghasilan karya kreatif tempatan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada tayangan berkenaan ialah Pemangku Pengarah Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dr. Eddy Fazlin bin Haji Amdan dan isteri.

Sebelum ini, filem 'Cigu Jumat' telah mula ditayangkan pada penghujung bulan Disember 2025 bersempena Brunei December Festival 2025.

Tayangan semula filem ini bermula pada 23 hingga 28 Januari 2026, bersempena dengan musim persekolahan baharu.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk menyaksikan filem ini di pawagam tempatan, One Cineplex, yang terletak di OneCity Shopping Complex, Jalan Utama Salambigar.



PEMANGKU Pengarah Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dr. Eddy Fazlin bin Haji Amdan dan isteri hadir selaku tetamu kehormat pada tayangan berkenaan.

utama yang menyumbang kepada penyelesaian pengunjung.

Walau bagaimanapun, beliau turut mencadangkan beberapa penambahbaikan, antaranya menambah tempat duduk khusus untuk makan dan minum serta pemasangan khemah bagi membolehkan pengunjung untuk berteduh, khususnya ketika hujan

dan memberikan kemudahan buat pengunjung untuk menikmati terus makanan yang dibeli.

Beliau seterusnya berharap agar penganjuran Makan Fest dapat diteruskan pada masa akan datang sebagai platform sokongan berterusan kepada para usahawan tempatan serta pembangunan ekonomi negara.



ACARA ini memberi peluang kepada pengunjung untuk menikmati pelbagai jenis hidangan termasuk makanan tradisional, kontemporari dan trend semasa yang semakin mendapat sambutan.

MEMPERKUKUH KERJASAMA TANGANI ANCAMAN JENAYAH SIBER RENTAS SEMPADAN



PASUKAN Polis Diraja Brunei (PPDB) mengadakan satu sesi perjumpaan bersama delegasi INTERPOL Cybercrime Directorate (atas dan kanan).

GADONG, Khamis, 22 Januari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah mengadakan satu sesi perjumpaan bersama delegasi INTERPOL Cybercrime Directorate, bertempat di Mess Pegawai, Ibu Pejabat Polis Gadong, sebagai usaha memperkukuh kerjasama strategik dalam menangani ancaman jenayah siber rentas sempadan.

Delegasi INTERPOL Cybercrime Directorate diketuai oleh Pengarah Cybercrime INTERPOL, Dr. Neal Jetton, bersama Pegawai Pakar Cybercrime INTERPOL, Wei Xian Tee. Perjumpaan berkenaan melibatkan Pengarah dan Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Penolong Ketua

Bahagian Siasatan Jenayah Siber, serta Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa & Biro Pusat kebangsaan (National Central Bureau) Negara Brunei Darussalam. Perjumpaan berkenaan bertujuan untuk memperkukuh hubungan kerjasama sedia ada antara PPDB dan INTERPOL, khususnya dalam

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

mempertingkatkan keupayaan bersama bagi memerangi jenayah siber yang semakin kompleks dan bersifat global.

Perbincangan menumpukan kepada ancaman siber yang kian berkembang, kepentingan perkongsian maklumat, serta keperluan penyelarasan usaha di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa.

Dalam sesi perbincangan berkenaan, PPDB berkongsi maklumat berkaitan trend semasa dan ancaman jenayah siber di peringkat domestik, termasuk cabaran utama serta keutamaan operasi semasa.

Sementara itu, INTERPOL turut membentangkan inisiatif-inisiatif terkini yang dilaksanakan oleh Cybercrime Directorate, termasuk pendekatan terhadap peningkatan pengkomersialan jenayah siber, serta aktiviti operasi yang sedang dan akan dilaksanakan di peringkat serantau dan global.

Delegasi turut merakamkan penghargaan kepada PPDB atas kerjasama PPDB ke INTERPOL



(IGCI) di Republik Singapura.

PPDB menegaskan komitmennya untuk terus bekerjasama rapat dengan INTERPOL dalam usaha memerangi jenayah siber, serta memainkan peranan aktif dalam memperkukuh kerjasama keselamatan siber di peringkat serantau dan antarabangsa demi menjamin keselamatan dan kesejahteraan masyarakat.

Program Peduli Insan 1.0 santuni golongan memerlukan

Oleh : Aimi Sani

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

SUNGAI AKAR, Khamis, 22 Januari. - Kumpulan Belia Berbakti (KBB) dengan sokongan Jabatan Belia dan Sukan (JBS),

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Majlis Belia Brunei (MBB) mengadakan Majlis Penyerahan Sumbangan kepada

golongan tertentu (simbolik Pelancaran Program Peduli Insan 1.0) bertempat di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar, hari ini.

Program ini diadakan bersempena dengan Hari Bertindak (Day of Action) dan akan dilaksanakan sehingga bulan Disember 2026.

Seramai 20 orang penerima terdiri daripada golongan warga emas, muafak dan keluarga yang kurang berkemampuan di Daerah Belait dan Daerah Brunei dan Muara terpilih untuk menerima sumbangan tajaan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Darussalam Holdings Sdn. Bhd., Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd., Hua Ho Department Store Kiulap, Milimewah Group dan Syarikat Perniagaan Malar Setia.

Hadir bagi menyerahkan sumbangan ialah Penghulu Mukim Berakas 'B', Awang Haji Syed Yassin bin Haji Syed Anayatullah Shah.

Sumbangan ini dihasratkan dapat memberikan keceriaan dan meringankan beban penerima dalam menjalani kehidupan seharian.



PENGHULU Mukim Berakas 'B', Awang Haji Syed Yassin bin Haji Syed Anayatullah Shah hadir bagi menyerahkan sumbangan.

HALUAN

>> Muka 2

Dalam kerangka ini, adalah penting untuk kita memahami bahawa rukyah dan perubahan moden tidak seharusnya dilihat sebagai dua pendekatan yang saling bercanggah. Sebaliknya, dengan kefahaman yang betul, kedua-duanya boleh saling melengkapi dalam kerangka yang beretika, berilmu dan bertanggungjawab. Rukyah boleh berperanan sebagai pelengkap kepada sokongan spiritual, penguat ketenangan jiwa dan pemerkasaan daya tahan emosi. Manakala perubahan moden pula memastikan diagnosis yang tepat, rawatan klinikal yang selamat serta perlindungan keselamatan pesakit.

Kesepaduan ini, apabila dilaksanakan dengan garis panduan yang jelas, dapat meningkatkan keberkesanan rawatan dan kesejahteraan pesakit secara menyeluruh.

Pendekatan yang seimbang antara kerohanian dan perubahan moden juga membawa nilai tambah kepada sistem kesihatan negara, antaranya mengurangkan stigma terhadap penyakit mental, meningkatkan penerimaan masyarakat terhadap rawatan profesional dan menggalakkan intervensi awal serta memperkukuh sokongan komuniti dan keluarga.

Pendekatan ini selari dengan hasrat negara untuk membina masyarakat yang sihat, berdaya tahan dan sejahtera bukan sahaja dari sudut fizikal tetapi juga mental dan rohani. Usaha seperti penerbitan Buku Ruqyah ini juga sejajar dengan falsafah Melayu Islam Beraja, yang menekankan keseimbangan antara ilmu, iman dan kebajikan rakyat. Ia mencerminkan kesungguhan kita untuk membangunkan insan secara holistik berteraskan nilai agama, kemanusiaan dan profesionalisme.

Dengan itu, saya berharap agar Buku Ruqyah ini dapat dimanfaatkan secara meluas sebagai sumber ilmu yang membimbing, mendidik dan menyatukan kefahaman masyarakat dalam menangani cabaran kesihatan mental dan kesejahteraan rohani secara berhemah.

Marilah kita terus memperkukuh kerjasama antara ilmuwan agama, profesional kesihatan dan masyarakat, demi melahirkan rakyat yang sihat tubuh badan dan sejahtera minda. InsyaaAllah.

Akhirnya, dengan lafaz *Bismillahir Rahmanir Rahim* serta selawat dan salam ke atas Junjungan Besar nabi kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, saya dengan sukacitanya merasmikan Pelancaran Buku Ayat-ayat Al-Qur'an Selaku Ruqyah (Jampi) dan Do'a Penyembuh.

Sekian, *Wabillahir Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*



SEKITAR majlis yang berlangsung di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar (kiri dan atas).

4 pelajar sertai Persidangan SEA² 2026

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Haji Jaya
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Januari. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Sekolah-Sekolah telah menyelaraskan penyertaan empat orang pelajar Tahun 13 bersama dua orang pegawai dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS) untuk menyertai Persidangan Strategic Educational Alliance of South East Asia (SEA²) 2026 yang berlangsung dari 21 hingga 24 Januari 2026 di Jakarta Nanyang High School, Jakarta, Republik Indonesia.

Sehubungan itu, hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada para peserta ialah Pemangku Pengarah Sekolah-Sekolah, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dr. Eddy Fazlin bin Haji Amdan.

Turut hadir, pegawai-pegawai Jabatan Sekolah-Sekolah,

Kementerian Pendidikan serta ibu bapa dan ahli keluarga para pelajar.

Pelajar-pelajar yang mewakili Negara Brunei Darussalam ialah Rachel Pong Xue Ting, Nadia Pang binti Muhammad Rais Pang, Muhammad Adam Syafiee bin Junaidi dan Khairil Zaki bin Haji Khairul Rijal.

Para pelajar diiringi oleh guru pengiring, Dayang Ani Suryani binti Haji Bahe serta Pengetua MSPSBS, Pengiran Hajah Rahmah binti Pengiran Haji Abas selaku ketua delegasi.

Sepanjang persidangan tersebut, para pelajar dijadualkan menghadiri sesi ucap-tama, membentangkan hasil kajian, menyertai forum pelajar serta merangka Deklarasi Pelajar SEA² berkaitan kecerdasan buatan dalam pendidikan.

Mereka juga akan mempamerkan budaya NBD di



PEMANGKU Pengarah Sekolah-Sekolah, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dr. Eddy Fazlin bin Haji Amdan hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada para peserta.

samping mendalami budaya dan tradisi negara tuan rumah.

Persidangan SEA² 2026 yang bertemakan 'AI: Empowering Education' menghimpunkan penyertaan sembilan buah sekolah dari NBD, Malaysia,

Republik Indonesia, Republik Singapura, Thailand, Republik Filipina dan Republik Sosialis Viet Nam.

Selain menyediakan platform kerjasama serantau, interaksi pelajar serta pertukaran budaya,

persidangan ini turut menawarkan pengalaman pembelajaran yang bermakna dan membuka peluang kepada perkongsian jangka panjang antara institusi pendidikan di rantau Asia Tenggara.

UNN TERUS PERKASA RANGKAIAN, KESELAMATAN, INOVASI DIGITAL

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BERAKAS, Rabu, 21 Januari. - Unified National Networks Sdn. Bhd. (UNN) hari ini menganjurkan UNN 2nd Media Engagement Session bertujuan untuk berkongsi perkembangan terkini mengenai projek-projek berterusan syarikat, prestasi rangkaian, termasuk keselamatan infrastruktur serta inovasi teknologi yang sedang dan akan dilaksanakan. Acara berlangsung di Hotel Mulia, Anggerek Desa.

Sesi berkenaan menghimpunkan wakil-wakil media tempatan dan menampilkan barisan kepimpinan UNN termasuk Vice President Service Delivery Field Operations, Dayangku Hajah Martini binti Pengiran Haji Abdul Rahman, bersama ketua-ketua Bahagian Kejuruteraan, operasi lapangan, penyampaian infrastruktur dan inisiatif strategik.

Antara fokus utama yang dibentangkan ialah prestasi kesambungan dan kependaman (*latency*) rangkaian, khususnya kesannya terhadap aplikasi digital seperti permainan dalam talian, persidangan video dan penstriman.

Ketua Bahagian Kejuruteraan,

Dayang Wadiah binti Haji Ibrahim, dalam taklimatnya mengongsikan mengenai pelaburan strategik UNN dalam beberapa sistem kabel dasar laut antarabangsa termasuk AAG, SJC, ALC, SKR1M, AUG serta AUG East yang baharu diumumkan, bagi meningkatkan daya tahan dan kebolehpercayaan sambungan antarabangsa negara.

Di samping itu jelasnya, pengembangan rangkaian mudah alih 5G menggunakan spektrum berbilang jalur serta pemodenan rangkaian gentian optik melalui pelaksanaan XGSPON terus dilaksanakan bagi menyokong perkhidmatan berkelajuan tinggi sehingga berbilang gigabit.

Manakala, Fixed Access Network Team Lead, Awang Muhaimin bin Ali pula mengongsikan penyebab biasa berlakunya *lag* dan langkah yang boleh diambil untuk mengurangkannya.

"Salah satu punca utama ialah penempatan *router* yang kurang sesuai, contohnya diletakkan di tempat yang terlalu jauh. Untuk meningkatkan liputan, *router* sebaiknya diletakkan di lokasi tengah (*central location*).

"Bagi rumah yang mempunyai beberapa tingkat, penggunaan sistem Wi-Fi Mesh dapat membantu memastikan isyarat yang lebih kuat dan konsisten di seluruh rumah. Untuk mengurangkan gangguan Wi-Fi, awda boleh menggunakan saluran Wi-Fi yang kurang sesak.

"*Lag* juga boleh berlaku apabila terlalu banyak peranti disambungkan pada satu masa. Apabila *lag* kerap berlaku, menaik taraf kelajuan internet kepada yang lebih tinggi juga boleh membantu," ujarnya.

Beliau turut menambah, kerosakan pada kabel yang sudah lama juga boleh menjadi punca masalah *lag*. Dari masa ke masa, kabel boleh haus atau rosak, menyebabkan sambungan tidak stabil dan kelajuan yang tidak konsisten.

Oleh itu katanya lagi, menggantikan kabel yang rosak atau lama dapat meningkatkan prestasi. *Router* atau Optical Network Terminal (ONT) juga memerlukan rehat secara berkala, maka adalah disarankan untuk *restart router* atau ONT sekurang-kurangnya sekali sebulan bagi mengekalkan prestasi optimum dan mengurangkan masalah *lag*.

Istu kecurian kabel turut menjadi perhatian serius UNN, apabila sebanyak 386 kes kecurian kabel telah direkodkan antara Disember 2019 hingga Disember 2025, dengan jumlah kerugian melebihi BND1.61 juta.

Pengurus Operasi Lapangan, Awang Haji Muhammad Nizam bin Haji Dollah menyatakan kes-kes berkenaan bukan sahaja menyebabkan kerugian kewangan, malah mengakibatkan gangguan perkhidmatan kepada pengguna.

Jelasnya, bagi menangani isu berkenaan, UNN memperkenalkan pemakaian pakaian seragam kontraktor yang diseragamkan bagi memudahkan orang awam mengenal pasti kakitangan UNN yang diberi kuasa.

Seiring dengan itu tambahnya, UNN turut memperkenalkan Sistem Keselamatan IoT Pintar yang kini berada dalam fasa 'Proof-of-Concept'.

Dalam taklimatnya, Pengurus Penyampaian Infrastruktur, Awang Aliyussof Pungut mengongsikan, sistem berkenaan menggunakan sensor IoT yang dipasang di lubang pembetung untuk mengesan pergerakan dan akses tanpa kebenaran, seterusnya mencetuskan amaran masa nyata melalui platform pemantauan berpusat.

Setakat ini katanya, sistem berkenaan telah berjaya dilaksanakan di 14 buah lokasi dan akan diperluaskan ke kawasan lain. Dalam usaha memperkasa literasi digital pengguna, UNN turut memberi penekanan kepada pendidikan peranti ONT dan Wi-Fi.

Sementara, Ketua Pasukan Khidmat Penyampaian (Service Delivery Team Lead), Awang Muhammad Khasrullizam Morni pula menerangkan mengenai peranan ONT dalam perkhidmatan jalur lebar gentian optik, cara Wi-Fi berfungsi bersama ONT, serta isu sambungan biasa di dalam rumah.

Jelasnya, amalan terbaik seperti penempatan dan pengudaraan ONT yang betul, penggunaan sambungan LAN untuk ujian kelajuan yang lebih tepat, dan pengurusan pelbagai peranti bagi mengurangkan gangguan Wi-Fi turut diketengahkan.

Sesi berkenaan juga memperkenalkan penyelesaian Wi-Fi Mesh sebagai alternatif kepada titik capaian bagi liputan yang lebih menyeluruh.

Dalam pembentangan berkaitan Pusat Data UNN pula, Senior Expert for Strategic Initiatives, Dayang Izyani binti Haji Ibrahim memaklumkan, bahawa UNN kini mengendalikan lima pusat data di seluruh negara yang kesemuanya dipatuhi ISO 27001.

Tambahnya, pusat data utama terletak di Daerah Brunei dan Muara dan Tutong, termasuk



VICE President Service Delivery Field Operations, Dayangku Hajah Martini binti Pengiran Haji Abdul Rahman semasa berucap.

Pusat Data Prasiap (*prefabricated*) terkini yang telah menerima pensijilan Tier III TCDD oleh Uptime Institute, dengan pensijilan TCCF sedang dalam proses.

Semua pusat data ini katanya lagi, dihubungkan melalui sambungan 100GB berlebihan dan direka bagi memastikan ketersediaan tinggi, keupayaan pemulihan bencana, serta kesiapsiagaan untuk penggunaan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) dan perkhidmatan awan (*cloud adoption*) pada masa hadapan, disokong oleh keselamatan fizikal berlapis (*multi-layer*) dan kawalan akses yang ketat.

Dalam mengakhiri sesi berkenaan, Dayangku Hajah Martini berharap sesi berkenaan telah memberikan pemahaman yang jelas mengenai topik-topik yang dikongsikan, merangkumi prestasi rangkaian dan *latency*, perlindungan infrastruktur, keselamatan yang stabil, serta peranan Pusat Data dalam menyokong perkhidmatan digital.

"Usaha ini mencerminkan komitmen berterusan kami untuk mengekalkan perkhidmatan yang boleh dipercayai, memperkukuh daya tahan rangkaian, serta terus menambah baik keupayaan kami dalam menangani cabaran," ujarnya lagi.

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

MEMBARIGAKAN MAKLUMAT ISU SEMASA, DASAR KERAJAAN



PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar hadir mengetuai rombongan Jabatan Penerangan.

MENTIRI, Rabu, 21 Januari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri terus melaksanakan usahanya untuk

membarigakan maklumat mengenai isu-isu semasa, dasar kerajaan dan dalam masa yang sama untuk menerima maklum

balas yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Penerangan melalui Unit Hubungan Masyarakat, Seksyen Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Bahagian Komunikasi Strategik mengadakan Program Sua Muka bagi Kampung Batu Marang, Mukim Mentiri, bertempat di rumah kediaman Pemangku Ketua Kampung Batu Marang, Awang Haji Maidin bin Tarip, hari ini.

Hadir mengetuai rombongan Jabatan Penerangan, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar, manakala rombongan dari Kampung Batu Marang diketuai oleh Pemangku Ketua Kampung

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Azmah Haji Ahad, Arifah Mohammad Aliwaridi

Batu Marang.

Turut hadir menyampaikan maklumat mengenai Brunei Identiti Digital (BruneiID) kepada penduduk-penduduk kampung ialah pegawai-pegawai dari Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC).

Program dimulakan dengan mukadimah daripada ketua rombongan yang antara lain menekankan mengenai peranan Jabatan Penerangan sebagai lidah, mata dan telinga kerajaan dalam menyampaikan apa jua maklumat yang terkini, dasar-dasar kerajaan dan isu-isu semasa kepada rakyat dan penduduk di negara ini melalui beberapa landasan yang antara lain ialah Program Sua Muka dan juga melalui terbitan akhbar rasmi Pelita Brunei.

Program berkenaan adalah

sebagai salah satu usaha di bawah strategi kerja Jabatan Penerangan, iaitu Komunikasi Bersemuka yang dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan-rakyat dan rakyat-kerajaan dengan membarigakan maklumat dan mengendalikan program hubungan masyarakat yang dapat menyumbang kepada perkembangan dan kemajuan mukim atau kampung.

Program Sua Muka turut diisikan dengan sesi dialog bersama penduduk kampung mengenai isu-isu yang dibangkitkan, yang antaranya berkaitan dengan prasarana awam, perekonomian, keselamatan dan kemudahan awam serta hal-hal lain.



SUASANA Program Sua Muka bagi Kampung Batu Marang, Mukim Mentiri, bertempat di rumah kediaman Pemangku Ketua Kampung Batu Marang, Awang Haji Maidin bin Tarip (kiri dan kanan).



Mengukuhkan semangat solidariti, patriotik kalangan penuntut



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TEMBURONG, Rabu, 21 Januari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Temburong, Bahagian Komunikasi Strategik meneruskan pelaksanaan Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' dengan mengadakan lawatan ke Sekolah Menengah Sultan Hassan.

Seramai 120 orang penuntut Tahun 7 telah menghadiri taklimat yang diadakan di dewan sekolah berkenaan.

Turut hadir ialah wakil pengetua

sekolah serta para tenaga pengajar Tahun 7.

Taklimat berkenaan disampaikan oleh Pemangku Pegawai Penerangan selaku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Temburong, Awang Haji Ariffin bin Mohd. Noor@Morshidi.

Antara pengisian taklimat ialah mengenai raja, sejarah negara, tatacara menaikkan dan mengibarkan bendera negara, serta sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, 'Allah Peliharakan Sultan'.

Bagi meningkatkan kefahaman para pelajar terhadap taklimat yang disampaikan, Kuiz Kenegaraan

turut diadakan. Para pemenang kuiz menerima hadiah sumbangan daripada Jabatan Penerangan.

Program Taklimat Kenegaraan ini merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai rasa cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara, di samping mengukuhkan semangat solidariti, patriotik serta kenegaraan yang tinggi dalam kalangan penuntut.

BAGI meningkatkan kefahaman para pelajar terhadap taklimat yang disampaikan, Kuiz Kenegaraan turut diadakan.



PEMANGKU Pegawai Penerangan selaku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Temburong, Awang Haji Ariffin bin Mohd. Noor@Morshidi menyampaikan Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' (atas), manakala gambar kiri, seramai 120 orang penuntut Tahun 7 telah menghadiri taklimat yang diadakan di dewan sekolah berkenaan.



TAKLIMAT KENEGARAAN DI SEKOLAH ST. MARGARET'S



JABATAN Penerangan melalui Bahagian Komunikasi Strategik mengadakan Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' di Sekolah St. Margaret's, Seria (kiri dan kanan).

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BELAIT, Khamis, 22 Januari. - Jabatan Penerangan melalui Bahagian Komunikasi Strategik mengadakan Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' di Sekolah St. Margaret's, Seria, hari ini.

Seramai 80 penuntut Tahun 7 menghadiri Taklimat Kenegaraan yang dikendalikan oleh Cawangan Penerangan Daerah Belait.

Taklimat disampaikan oleh Pemangku Ketua Cawangan

Penerangan Daerah Belait, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin bertempat di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan. Turut hadir ialah Pengetua Sekolah, Awang Liew Yong Kim berserta tenaga pengajar.

Kuiz Kenegaraan juga diadakan bagi meningkatkan kefahaman para pelajar terhadap taklimat yang disampaikan. Para pemenang kuiz juga menerima hadiah sumbangan Jabatan Penerangan.

Program Taklimat Kenegaraan merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara. Ia juga dihasratkan akan dapat mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut.

SERAMAI 80 penuntut Tahun 7 menghadiri Taklimat Kenegaraan yang dikendalikan oleh Cawangan Penerangan Daerah Belait.



Semai rasa cinta terhadap raja, agama, bangsa

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Azmah Haji Ahad, Arifah Mohammad Aliwaridi

GADONG, Khamis, 22 Januari. - Seramai 215 penuntut Tahun 7 Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMPRIPAHS), Katok menghadiri Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' yang diadakan di Auditorium 1, sekolah

berkenaan, pagi tadi.

Taklimat disampaikan oleh Ketua Seksyen Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim yang antara lain mengetengahkan beberapa tajuk menyentuh mengenai Raja, sejarah dan tatacara menaik kibarkan bendera negara serta sejarah lagu kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah

Peliharakan Sultan'.

Taklimat berkenaan bertujuan untuk menyebarkan maklumat yang dapat menimbulkan semangat kenegaraan dan kesedaran hidup berbangsa, beragama dan bernegara berdasarkan falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB) dalam kalangan para pelajar selaras dengan moto Jabatan Penerangan, 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'.

Program juga turut diserikan dengan Kuiz Kenegaraan yang diadakan bagi meningkatkan lagi kefahaman para pelajar terhadap taklimat yang disampaikan, dan para pemenang kuiz menerima hadiah sumbangan Jabatan Penerangan yang disampaikan oleh Ketua Guru Kanan Ko-Kurikulum, Awang Haji Nadzri Radhi bin Haji Nali.

Program Taklimat Kenegaraan yang dikendalikan oleh Unit

Kenegaraan, Seksyen Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Bahagian Komunikasi Strategik, Jabatan Penerangan berkenaan dihasratkan akan dapat mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut, selain sebagai salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara.



TAKLIMAT disampaikan oleh Ketua Seksyen Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim (atas), manakala gambar bawah, antara pelajar yang mencuba menjawab kuiz.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Ancaman Berita Palsu terhadap Generasi Digital'. Tarikh Tutup : 28 Januari 2026
2. 'Kesan Pelaburan Asing Terhadap Ekonomi Tempatan'. Tarikh Tutup : 4 Februari 2026
3. 'Vape: Ancaman Senyap Terhadap Kesihatan Generasi Muda'. Tarikh Tutup : 11 Februari 2026

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



SILA IMBAS UNTUK
KHUTBAH LENGKAP

MENEGAKKAN AMAR MA'RUF NAHI MUNGKAR

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 04 Sya'ban 1447H / 23 Januari 2026M

جهاز حال احوال مسجد
JABATAN HAL EHWAL MASJID,
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

AMAR MA'RUF NAHI MUNGKAR

Iaitu mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran.

3 CARA MENCEGAH KEMUNGKARAN DALAM SESEBUAH MASYARAKAT MENURUT KEUPAYAAN MASING-MASING, ANTARANYA:



MENGUBAH
MELALUI TANGAN

Mengubah dengan kuasa yang ada pada seseorang mengikut kemampuan dan bidang kuasa masing-masing.



MENGUBAH
MELALUI LIDAH

Mengubah dengan percakapan dengan memberikan nasihat, teguran dan bimbingan yang baik.



MENGUBAH
MELALUI HATI

Cara membenci dan tidak meredai kemungkaran tersebut di dalam hati.

BAGI
MEMBANTERAS
DAN MENCEGAH
BERLAKUNYA
JENAYAH DAN
PERBUATAN
MUNGKAR DI
NEGARA INI

Agensi keselamatan kerajaan yang diamanahkan itu ialah Pasukan Polis Diraja Brunei, yang pada 1 Januari tahun ini meraikan Sambutan Hari Polis ke 105 Tahun.





BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Ali Imran, ayat 110 :

Tafsirnya : "Kamu (wahai umat Nabi Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk manusia (kerana) kamu menyuruh berbuat yang makruf dan melarang daripada yang mungkar dan beriman kepada Allah. Dan kalau ahli kitab (Yahudi dan Nasrani) beriman, tentulah yang demikian itu baik bagi mereka. (Tetapi) sebahagian daripada mereka ada yang beriman dan kebanyakannya ialah orang fasik".

Agama Islam menganjurkan umatnya untuk sentiasa menjaga kemashlahatan dan kesejahteraan hidup sesama insan agar dapat membangun ukhuwah yang teguh, bersatu padu dan bekerjasama. Bagi mencapai tujuan tersebut, Islam menganjurkan umatnya untuk menegakkan amar makruf nahi mungkar iaitu mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Ini

Menegakkan amar makruf nahi mungkar

dikuatkan lagi dengan sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Imam Termizi, daripada Huzaifah bin Al-Yaman Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Demi Allah yang jiwaku berada di tangan-Nya, suruhlah berbuat makruf dan cegahlah perbuatan mungkar atau (kalau tidak) seksa Allah boleh jadi akan menimpa ke atasmu, kemudian kamu memohon (supaya seksa itu dihentikan) tetapi permohonan kamu itu tidak dikabulkan (oleh Allah)".

Dalam Al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah mengajarkan umat Islam agar bijaksana dan adil dalam menegakkan perkara kebajikan dan mencegah kejahatan tanpa mengira pangkat dan darjat seseorang itu demi memelihara dan menegakkan hukum Allah Subhanahu Wata'ala. Ini bertujuan untuk memakmurkan dan meningkatkan kesejahteraan hidup manusia seluruhnya.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah memberi panduan yang jelas tentang cara menegakkan dan melaksanakan tanggungjawab mencegah kemungkaran. Daripada Abu Said Al-Kudri, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Barang siapa antara kamu yang melihat kemungkaran, maka ubahlah dengan tangannya, jika tidak mampu maka ubahlah dengan lisannya dan jika tidak mampu maka ubahlah dengan hatinya dan yang demikian adalah lemah-lemah iman". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Hadis tersebut menjelaskan bahawa terdapat tiga cara untuk mencegah kemungkaran dalam sesebuah masyarakat menurut keupayaan masing-masing, antaranya :

Pertama : Mengubah melalui tangan iaitu mengubah dengan kuasa yang ada pada seseorang mengikut kemampuan dan bidang kuasa masing-masing.

Kedua : Mengubah melalui lidah iaitu mengubah dengan percakapan atau lisan, dengan memberikan nasihat, teguran dan bimbingan yang baik.

Ketiga : Mengubah melalui hati iaitu dengan cara membenci dan tidak meredai kemungkaran tersebut di dalam hati dan inilah merupakan lemah-lemah iman.

Agama Islam sangat menekankan kepentingan keamanan, kesejahteraan dan

keharmonian dalam kehidupan berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara. Oleh itu, bagi membanteras dan mencegah berlakunya jenayah dan perbuatan mungkar di negara ini, antara agensi keselamatan kerajaan yang diamankan itu ialah Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), yang pada 1 Januari tahun ini telah menyambut dan meraikan Sambutan Hari Polis Ke-105 Tahun.

Sesungguhnya tugas menjaga keamanan negara ini bukanlah mudah. Apatah lagi ancaman jenayah semakin hari semakin mencabar. Sesuai dengan era siber dan perkembangan teknologi yang semakin pesat, PPDB sentiasa berusaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran di dalam meningkatkan prestasi, kualiti dan kecekapan dalam menangani terindah jenayah yang semakin mencabar dan kompleks terutamanya jenayah siber yang semakin berleluasa.

Sesungguhnya kerjaya sebagai seorang anggota polis adalah khidmat dan amalan yang mulia di sisi agama dan selaku anggota polis juga hendaklah sentiasa menanamkan sifat amanah. Agama kita mewajibkan umatnya untuk menjaga amanah dan mengharamkan melakukan khianat serta berlaku curang dengan mencuaikan amanah. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda menjelaskan bahawa orang yang mencuaikan amanah adalah orang yang tidak sempurna imannya. Daripada Anas bin Malik Radiallahuanhu berkata : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tidak pernah berkhutbah di hadapan kami kecuali Baginda mengatakan :

Maksudnya : "Tidak sempurna keimanan bagi orang yang tidak amanah dan tidak sempurna agama seseorang bagi yang tidak memenuhi janji". (Hadis Riwayat Imam Ahmad)

Perihal amanah ini ada dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena keberangkatan baginda ke Ibu Pejabat PPDB pada 31 Mac 2015, antara petikan titah baginda :

"Kerana itu, penyandang-penyandang jawatan ini mustahaklah mengekalkan prestasi mereka dan dalam masa yang sama mesti pula mengamalkan sikap tegas dan amanah.

"Polis tidak boleh lemah. Sikap dan

pendirian mereka mesti kuat, tidak boleh dirayu atau dipujuk-pujuk untuk mendapatkan simpati. Lebih-lebih lagi, penjawat polis, sama sekali tidak boleh curang terhadap tugasnya.

"Bilakah seorang polis itu boleh dianggap curang? Macam-macam sebab seorang polis boleh dianggap curang, seperti tidak bersungguh-sungguh menjalankan tugas, dalam makna mengabaikan tugas atau apabila seorang polis melakukan perkara-perkara yang menyalahi undang-undang padahal polis adalah penguat kuasa undang-undang itu," demikian baginda bertitah.

Selain daripada bersifat amanah, anggota PPDB juga hendaklah berintegriti. Apa yang dimaksudkan dengan berintegriti itu ialah bertindak jujur, telus dan bersih daripada rasuah atau penyalahgunaan kuasa. Ini kerana seorang anggota polis yang berintegriti akan dapat menjalankan tugas tanpa pilih kasih, tidak mengambil rasuah atau menerima ganjaran yang tidak sepatutnya, tidak menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan peribadi dan mengutamakan kebenaran walaupun sukar.

Oleh yang demikian, anggota PPDB hendaklah sentiasa menaati amanah secara profesional, berintegriti, berdisiplin tinggi, bersifat adil dan tidak pilih kasih, jadilah pegawai dan anggota pasukan yang proaktif dalam sama-sama menjadikan PPDB sebuah organisasi yang cemerlang, dipercayai dan disegani oleh masyarakat.

Sama-samalah kita berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, semoga warga PPDB khususnya dan kita semua akan sentiasa diberikan kekuatan iman, akhlak dan budi pekerti yang elok, kekuatan fizikal, ketahanan mental dan kesabaran yang tidak terbatas dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan. Mudah-mudahan Allah Subhanahu Wata'ala akan mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan di bumi Darussalam yang bertuah ini agar kita dapat menikmati kehidupan yang aman damai, makmur dan sejahtera. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati Allah dan rasulnya dan janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah (yang diamanahkan kepada) kamu sedang kamu mengetahuinya". (Surah Anfal, 27)

Keputusan Peperiksaan 'O' Level, IGCSE 2025 dikeluarkan

■ Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Januari. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Peperiksaan sukacita memaklumkan bahawa keputusan Peperiksaan Brunei - Cambridge GCE (BCGCE) Peringkat 'O' dan International General Certificate of Secondary Education (IGCSE) Sesi Oktober / November 2025 telah dikeluarkan hari ini.

Pada peringkat nasional, seramai 5,590 calon telah menduduki peperiksaan pada Sesi Oktober / November 2025. Daripada jumlah ini, 5,506 (98.50 peratus) adalah calon sekolah dan 84 (1.50 peratus) calon persendirian.

Pada peringkat nasional, seramai 1,115 calon (19.95 peratus) telah memperoleh 8 'O'

Level dan IGCSE ke atas dan 2,464 calon (44.08 peratus) telah memperoleh 5 'O' Level dan IGCSE ke atas pada peperiksaan Sesi Oktober / November 2025. Manakala calon yang memperoleh 4 'O' Level dan IGCSE ke atas adalah seramai 2,873 calon (51.40 peratus).

Manakala pada peringkat sekolah, seramai 1,115 calon (20.25 peratus) telah memperoleh 8 'O' Level dan IGCSE ke atas. Sementara yang memperoleh 5 'O' Level dan IGCSE ke atas adalah seramai 2,464 calon (44.75 peratus). Manakala calon yang memperoleh 4 'O' Level dan IGCSE ke atas adalah seramai 2,871 (52.14 peratus).

Daripada 4,692 calon sekolah kerajaan, seramai 813 calon

(17.33 peratus) telah memperoleh 8 'O' Level dan IGCSE ke atas dan 1,899 calon (40.47 peratus) memperoleh 5 'O' Level dan IGCSE ke atas. Manakala calon yang memperoleh 4 'O' Level dan IGCSE ke atas adalah seramai 2,255 (48.06 peratus).

Bagi calon sekolah swasta, daripada seramai 814 calon, seramai 302 calon (37.10 peratus) telah memperoleh 8 'O' Level dan IGCSE ke atas, dan 565 calon (69.41 peratus) memperoleh 5 'O' Level dan IGCSE ke atas. Sementara 616 calon (75.68 peratus) mendapat 4 'O' Level dan IGCSE ke atas dalam peperiksaan Sesi Oktober / November 2025.

Di samping itu, seramai 59 calon sekolah (1.07 peratus) mendapat Gred A*/A dalam

lapar hingga 11 mata pelajaran, yang mana 13 daripadanya adalah terdiri daripada calon sekolah kerajaan.

Sebanyak 25 daripada 49 buah sekolah yang terdiri dari 20 buah sekolah kerajaan dan lima buah sekolah swasta telah menunjukkan peningkatan di antara 0.72 peratus dan 19.30 peratus daripada pencapaian tahun 2024.

Sementara itu, bagi pencapaian dalam mata pelajaran BCGCE Peringkat 'O' dan IGCSE pula, sebanyak tujuh mata pelajaran utama di peringkat nasional (Gred A-C) yang mencapai sekurang-kurangnya 50.00 peratus di dalam peperiksaan Sesi Oktober / November 2025.

Manakala sebanyak sembilan mata pelajaran lain di peringkat nasional (Gred A-C) yang telah mencapai sekurang-kurangnya 50.00 peratus di dalam peperiksaan Sesi Oktober / November 2025.

Penuntut-penuntut yang telah menduduki peperiksaan tersebut bolehlah mendapatkan slip keputusan mereka di sekolah masing-masing. Manakala calon-calon persendirian

dikehendaki mengambil slip keputusan mereka di Kaunter Jabatan Peperiksaan, Pusat Perkhidmatan Setempat, Aras Bawah, Blok C, Kementerian Pendidikan pada waktu pejabat dibuka.

Bagi mana-mana calon yang berhasrat untuk memperbaiki pencapaian keputusan Peperiksaan BCGCE Peringkat 'O' dan IGCSE, pendaftaran bagi bulan Mei / Jun Tahun 2026 masih dibukakan dan tarikh tutup pendaftaran ialah pada Khamis, 12 Februari 2026.

Bagi calon-calon sekolah yang berhasrat untuk mendaftar Peperiksaan BCGCE Peringkat 'O' dan IGCSE Sesi Mei / Jun 2026 hendaklah melalui pihak sekolah masing-masing.

Maklumat lanjut bagi pendaftaran peperiksaan bagi bulan Mei / Jun Tahun 2026 bolehlah diperoleh dengan melayari laman sesawang Kementerian Pendidikan di www.moe.gov.bn atau ke kaunter Jabatan Peperiksaan, Pusat Perkhidmatan Setempat, Aras Bawah, Blok C, Kementerian Pendidikan pada waktu pejabat dibuka.

Tahun	Jumlah Calon Sekolah memperoleh Gred A*/A dalam			
	11 mata pelajaran	10 mata pelajaran	9 mata pelajaran	8 mata pelajaran
2025	5	3	12	39

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALAH DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ أَخْتَتِمُنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ. وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفْلِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALAH DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِعْفَارِ

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ لَّهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنَحَّلَ بِهِ الْعُقْدَ، وَتَنْفَرَجُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقْضَى بِهِ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرِّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي، فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ ممباوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قععملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharap pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahaminya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأَفْوضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsa seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

PPDB tingkatkan kesedaran ancaman penipuan siber



ANTARA yang dijemput untuk hadir mendengarkan taklimat bertajuk 'Penipuan dalam talian' bertempat di Hyatt Borneo Management Services.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Januari. - Bahagian Siasatan Jenayah Siber (BSJS), Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) baru-baru ini dijemput untuk menyampaikan taklimat bertajuk 'Penipuan dalam talian' bertempat di Hyatt Borneo Management Services.

Taklimat ini disampaikan oleh Ketua Inspektor Adinin bin Haji Ahmad dan dihadiri oleh seramai 46 orang kakitangan syarikat tersebut bagi sesi kali kedua. Dengan adanya taklimat ini dapat meningkatkan kesedaran kepada kakitangan yang menghadiri mengenai ancaman penipuan dalam talian yang semakin meningkat, membolehkan

peserta mengenal pasti taktik penipuan, melindungi maklumat peribadi serta melaporkan kes ini seberapa segera kepada pihak berkuasa.

Inisiatif seperti ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan PPDB untuk memerangi jenayah siber melalui pendidikan awam, selaras dengan matlamat keselamatan siber setiap lapisan masyarakat di negara ini.



کمبرین کصیحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH



Program Pemriksaan
Kesihatan
Kebangsaan



PENYAKIT KARDIOVASKULAR

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM:
penyakit kardiovaskular adalah penyebab kematian yang **ke-2** tertinggi

FAKTOR RISIKO

- Peningkatan umur
- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap penyakit kardiovaskular
- Tidak aktif secara fizikal
- Mengamalkan pemakanan yang tidak sihat
- Merokok
- Meminum alkohol yang berlebihan
- Obes
- Tekanan darah tinggi
- Mempunyai paras kolesterol yang tinggi dalam darah
- Diabetis (kencing manis)
- Stres

TANDA-TANDA PENYAKIT

- Sesak nafas
- Sakit dada yang menekan-nekan bermula di bahagian tengah atau kiri dada dan biasanya merebak ke lengan kiri dan leher
- Sakit mencengkam sehingga boleh menyebabkan pitam atau pingsan
- Berpeluh dingin
- Berasa sejuk walaupun suhu persekitaran panas
- Pening kepala dan berasa loya
- Kebas
- Kerap kencing malam
- Haus / dahaga
- Penglihatan kabur
- Jantung berdebar

Jika anda mengalami tanda-tanda tersebut, sila berjumpa dengan doktor untuk pemeriksaan lanjut.

LANGKAH PENCEGAHAN



Tidak merokok



Ketahui tekanan darah anda



Mengekalkan berat badan yang sihat



Meningkatkan aktiviti fizikal



Kawal paras kolesterol dan gula dalam darah anda



Amalkan pemakanan sihat. Kurangkan makanan tinggi garam, lemak dan gula



Tangani stres dengan bijak



Elakkan meminum minuman keras

"Fahami risiko anda"

Sila imbas untuk mendaftar program pemeriksaan faktor risiko kardiovaskular



SUNTIK SEMANGAT PATRIOTISME, PERPADUAN DALAM KALANGAN PELAJAR

■ Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



JABATAN Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, melalui Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCI baru-baru ini meneruskan lagi Jerayawara Kenali ASEAN (atas kanan dan bawah).

KILANAS, Rabu, 21 Januari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, melalui Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCI baru-baru ini meneruskan lagi Jerayawara Kenali ASEAN untuk membarigakan serta memberikan pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada pelajar-pelajar sekolah menengah di negara ini, dengan berkunjung ke Sekolah Nusa Laila Puteri bertempat di dewan sekolah berkenaan.

Turut hadir pada taklimat berkenaan, Pengetua sekolah, Dayang Fiffi Hafizah binti Md. Saifulazli; dan para tenaga pengajar sekolah tersebut.

Taklimat Kenali ASEAN disampaikan oleh Ketua Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian



Media dan Komunikasi Korporat, Jabatan Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail, kepada 87 pelajar Tahun 7, Tahun 8 dan Tahun 9.

Taklimat antara lain untuk menanamkan kesedaran dalam

kalangan para pelajar sekolah sebagai sebahagian daripada masyarakat ASEAN, selaras dengan Moto ASEAN : Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti (One Vision, One Identity, One Community).

Para pelajar juga berkesempatan untuk mengikuti sesi Kuiz Kenali ASEAN. Penyerpaian hadiah bagi kuiz tersebut disempurnakan oleh pengetua sekolah berkenaan.

Dalam hasrat untuk membarigakan mengenai ASEAN, ia juga usaha berterusan untuk menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan pelajar-pelajar untuk menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan, pada masa yang sama juga dapat mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya para pelajar yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya memainkan peranan penting dalam memangkin hala tuju negara satu masa nanti.



RB ANJUR FORUM UGAMA SEMPENA ISRAK MIKRAJ



KETUA Pegawai Eksekutif Interim, Kolonel Dayang Norsuriati binti Haji Sharbini hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Forum Ugama bersempena Sambutan Israk Mikraj bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi (atas kiri), manakala gambar atas kanan, Forum Khas bertajuk 'Pengajaran dan Peristiwa Israk dan Mikraj' disampaikan oleh Penolong Pensyarah Pusat Kajian Fiqh Kontemporari, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Hilman bin Haji Salim dan Pengiran Norizzati binti Pengiran Haji Kasharan. Sementara gambar bawah kiri, antara yang hadir mendengarkan forum berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, petang tadi mengadakan Majlis Forum Ugama bersempena Sambutan Israk Mikraj bagi Tahun



1447 Hijrah / 2026 Masihi bertempat di Collaboration Hub, RB Campus, Jalan Kustin, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Ketua Pegawai Eksekutif Interim, Kolonel Dayang Norsuriati binti Haji Sharbini. Juga hadir, pihak pengurusan dan kakitangan RB.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan disusuli dengan Forum Khas bertajuk 'Pengajaran dan Peristiwa Israk dan Mikraj' yang disampaikan oleh Penolong Pensyarah Pusat Kajian Fiqh Kontemporari, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Hilman bin Haji Salim dan Pengiran Norizzati binti Pengiran Haji Kasharan.

Pengiran Norizzati dalam penyampaian antara lain menyentuh mengenai dengan sembahyang yang mana boleh

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

membentuk disiplin iaitu berdisiplin dengan waktu.

Menurut beliau, waktu adalah hal yang sangat mustahak dalam mendirikan sembahyang kerana setiap sembahyang ada masanya yang tertentu dan tersendiri. Salah satu daripada syarat sah solat adalah mendirikan sembahyang dalam waktunya.

"Begitulah disiplin-disiplin yang terlahir daripada ibadah

sembahyang yang mampu melonjakkan umat Islam untuk maju serta berdaya saing dalam menjalani kehidupan duniawi.

"Justeru, golongan yang mengutamakan sembahyang dan berpegang dengan disiplinnya, insyaaAllah akan menjadi orang berjaya di dunia dan akhirat, lantaran sembahyang adalah tonggak asas dan sembahyang pula tunjangnya," jelasnya.

WAKTU adalah hal yang sangat mustahak dalam mendirikan sembahyang kerana setiap sembahyang ada masanya yang tertentu dan tersendiri. Salah satu daripada syarat sah solat adalah mendirikan sembahyang dalam waktunya.

"Begitulah disiplin-disiplin yang terlahir daripada ibadah sembahyang yang mampu melonjakkan umat Islam untuk maju serta berdaya saing dalam menjalani kehidupan duniawi".

KONGSI KEPAKARAN, PENGALAMAN DALAM MENDUKUNG AMALAN INKLUSIVITI



PEJABAT Alumni Universiti, Universiti Brunei Darussalam telah menganjurkan Inclusive Futures Workshop: Supporting Students with Visual Impairment (VI) (kiri sekali dan kiri).

Inisiatif Inclusive Futures juga mencerminkan tumpuan baharu Pejabat Alumni Universiti dalam mewujudkan platform yang bermakna untuk penglibatan alumni, di mana alumni dapat berkongsi kepakaran, bekerjasama dalam penyelidikan, menyumbang kepada pembangunan profesional, serta menyertai pelbagai inisiatif merangkumi bidang teknologi dan inovasi, kepimpinan, serta pemeraksanaan keadilan sosial.

Alumni yang ingin menyumbang kepada usaha di UBD digalakkan untuk melibatkan diri dan berkongsi kepakaran mereka. Peluang penglibatan termasuk mengendalikan bengkel, menyertai sesi perkongsian ilmu, berkongsi pengalaman dan kisah profesional, bekerjasama dalam penyelidikan, serta menyokong pembangunan pelajar.

Alumni yang berminat untuk menyumbang kepada inisiatif Inclusive Futures UBD atau meneroka kaedah lain untuk terlibat dengan universiti adalah digalakkan untuk menghubungi Pejabat Alumni Universiti melalui e-mel alumni.office@ubd.edu.bn bagi mendapatkan maklumat lanjut tentang bagaimana mereka boleh memberi impak dan sumbangan.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Januari. - Pejabat Alumni Universiti (Office of University Alumni, OUA), Universiti Brunei Darussalam (UBD), hari ini menganjurkan Inclusive Futures Workshop: Supporting Students with Visual Impairment (VI) di Ruang Bicara Minda, UBD.

Inisiatif ini bertujuan untuk menyediakan peluang kepada alumni universiti bersama-sama menyumbang pengetahuan, berkongsi kepakaran, serta berinteraksi dengan para pelajar, kakitangan, dan komuniti universiti

secara keseluruhan, sekali gus memperkukuh amalan inklusiviti dalam komuniti.

Bengkel tersebut dikendalikan oleh dua orang Alumni UBD, iaitu Awang Sheikh Mohamed Izzat bin Sheikh Haji Khalid, yang kini berkhidmat sebagai Pegawai Pendidikan Khas yang berpengalaman luas dalam latihan dan sokongan bagi pelajar kurang upaya penglihatan; dan Awang Muhammad Haziq Shafiq bin Haji Aisha, Alumni UBD daripada kelas 2024.

Kedua-dua fasilitator berkongsi

perspektif sebagai individu kurang upaya penglihatan (Kategori B1) serta menyumbangkan pandangan praktikal berkaitan kebolehcapaian, ketahanan diri, dan strategi pembelajaran yang berkesan.

Bengkel ini menawarkan strategi praktikal, pengalaman interaktif, serta refleksi berpandu kepada para peserta bagi meneroka kaedah berkesan dalam menyokong pelajar kurang upaya penglihatan.

Seramai lebih 15 orang peserta yang terdiri daripada ahli akademik, kakitangan, dan mahasiswa-mahasiswi universiti

telah membina keyakinan yang lebih tinggi dalam mengaplikasikan pengetahuan praktikal serta memperoleh pemahaman yang bernilai tentang bagaimana kepakaran alumni dapat meningkatkan pengajaran, sokongan pelajar, dan pembangunan profesional.

Inisiatif ini turut diperkukuh melalui kerjasama dengan Unit Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, yang menonjolkan kepentingan penglibatan rentas institusi serta pertukaran pengetahuan antara Alumni UBD, dan pihak berkepentingan di peringkat kebangsaan.

FATHUL BARAKAH 7.0 : PELUANG INFAK JARIAH KEPADA ASNAF MUALAF

■ Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Hal Ehwal Ugama

Keputusan MUIB : MU/JUB/23/1969 PT.29
Tarikh: 02 Rejab 1447 / 23 Disember 2025

Keputusan KHEDN : (71)dlm.26/78 PT.1
Tarikh: 27 Jumadil Akhirah 1447 / 18 Disember 2025

PROJEK FATHUL BARAKAH 7.0
Sempena Kedatangan Ramadhan 1447 Hijrah



MENERIMA SUMBANGAN DARIPADA ORANG RAMAI
BERUPA BARANGAN KEPERLUAN HARIAN UNTUK ASNAF MUALLAF YANG MEMERLUKAN

Daerah Brunei dan Muara :
Sabtu & Ahad
05 & 06 Sya'ban 1447 Hijrah bersamaan
24 & 25 Januari 2026 Masehi

Daerah Belait, Tutong & Temburong :
Isnin & Selasa
07 & 08 Sya'ban 1447 Hijrah bersamaan
26 & 27 Januari 2026 Masehi

Jam 8:30 pagi hingga 4:00 petang

TEMPAT PENYERAHAN BAGI DAERAH

Brunei-Muara	Temburong	Tutong	Belait
Pusat Da'wah Islamiyah	Cawangan Da'wah Daerah Temburong	Cawangan Da'wah Daerah Tutong	Cawangan Da'wah Daerah Belait
(2583996 samb 319)	(5213553)	(4222425)	(3341580)

Makanan Asasi Yang Diperlukan

- Beras
- Minyak Masak
- Biskut
- Tepung
- Gula (2kg / Pek)
- Makanan Dalam Tin
- Udang atau Pusu Kering
- Bawang-bawangan
- Garam
- Teh / Kopi
- Mee
- Montega
- Air Mineral

Sumbangan Tersebut Boleh Diserahkan Secara "Pandu Lalu" (Drive Thru)

Dikendalikan Bersama: Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pusat Da'wah Islamiyah Dan Persatuan Saudara-Saudara Baru, Negara Brunei Darussalam



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Januari. - Pusat Da'wah Islamiyah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Pembangunan Muallaf dengan kerjasama Persatuan Saudara-saudara Baharu, Negara Brunei Darussalam akan melaksanakan Projek Fathul Barakah 7.0 bersempena menyambut kedatangan Ramadhan 1447 Hijrah.

Projek berkenaan bertujuan untuk mengumpul sumbangan daripada orang ramai berupa barangan keperluan harian seperti beras, minyak masak, biskut, tepung, gula (2 kilogram / pek), makanan dalam tin, udang atau pusu kering, bawang-bawangan, garam, teh atau kopi, mi, mentega dan air mineral serta barangan keperluan asasi yang bersesuaian untuk diagih-agihkan kepada para asnaf muallaf yang memerlukan.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk memberikan sumbangan atau infak jariah berupa keperluan harian di tempat-tempat penyerahan di setiap daerah mengikut tarikh berikut, iaitu bagi Daerah Brunei dan Muara, pada Sabtu dan Ahad, 5 dan 6 Syaaban 1447H bersamaan 24 dan 25 Januari 2026M, jam 8.30 pagi hingga 4.00 petang, bertempat di Bangunan Darul Huda, PDI.

Manakala, bagi Daerah Belait, Tutong dan Temburong, pada Isnin dan Selasa, 7 dan 8 Syaaban 1447H bersamaan 26 dan 27 Januari 2026M, jam 8.30 pagi hingga 4.00 petang bertempat di Pejabat Cawangan Da'wah Daerah Belait, Tutong dan Temburong.

PDI merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih atas sumbangan yang

akan dihulurkan.

Semoga sumbangan daripada orang ramai berkenaan diberi

keberkatan dan dikurniakan ganjaran pahala oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Akses terhad semasa Eksesais Semangat Waja

■ Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

TUTONG, Jumaat, 23 Januari. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa berikutan pengumuman Kementerian Pertahanan mengenai Eksesais Semangat Waja Siri 08 / 2026 oleh Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang dijalankan pada Ahad, 25 Januari 2026 bermula pukul 10.00 malam sehingga Isnin, 26 Januari 2026, pukul 2.00 pagi, jalan akses ke Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (PMMPMHAMB), Tutong adalah terhad buat sementara waktu.

Semasa tempoh eksesais, pengurusan lalu lintas sementara akan dilaksanakan di laluan utama menuju ke hospital berkenaan.

Sehubungan itu, orang ramai yang menggunakan kenderaan persendirian yang berhasrat untuk mendapatkan rawatan di Hospital PMMPMHAMB masih dibenarkan untuk melalui kawasan terlibat, tertakluk kepada pengurusan dan kawalan keselamatan oleh pihak berkuasa yang bertugas.

Bagi memastikan kelancaran dalam perkhidmatan rawatan, orang ramai yang merancang untuk mendapatkan rawatan di hospital berkenaan adalah dinasihatkan untuk merancang perjalanan lebih awal dan hadir sebelum pukul 10.00 malam bagi mengelakkan sebarang kelewatan akibat pengurusan lalu lintas sementara sepanjang tempoh eksesais dijalankan.

Bagi kes kecemasan, orang ramai hendaklah terus mendapatkan rawatan di hospital berkenaan. Perkhidmatan ambulans dan kes kecemasan tidak terjejas sepanjang tempoh eksesais berlangsung.

Kementerian Kesihatan sedang giat bekerjasama rapat dengan pihak ABDB bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan kesihatan serta keselamatan pesakit, petugas dan orang awam sentiasa terpelihara sepanjang tempoh eksesais ini dijalankan.

Bagi sebarang maklumat terkini, orang ramai bolehlah melayari laman sesawang rasmi Kementerian Kesihatan di www.moh.gov.bn, mengikuti media sosial rasmi @mohbrunei atau menghubungi Talian Darussalam 123.

Mempereratkan hubungan penunggang motosikal wanita



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Januari. - Upacara pelancaran bagi penyerahan baton secara maya telah diadakan baru-baru ini bertempat di salah sebuah restoran di Kampung Kiulap, yang dihadiri oleh lebih 30 orang penunggang motosikal wanita dari seluruh negara.

Penyerahan baton tersebut merupakan sebahagian daripada acara relay bertaraf dunia yang dikenali sebagai Women's Riders World Relay (WRWR), yang mula dilancarkan pada tahun 2019,

namun terpaksa ditangguhkan berikutan penularan pandemik COVID-19.

Kini, WRWR kembali dilaksanakan dalam format digital, yang diharapkan oleh pihak penganjur dapat memperluaskan lagi jaringan serta komuniti penunggang motosikal wanita di peringkat global.

Melalui penggunaan aplikasi percuma, para peserta dapat 'menyerahkan baton' secara maya kepada penunggang wanita lain yang mereka temui, sama ada di

dalam negara mahupun di luar negara, sepanjang tahun.

Di peringkat tempatan, para peserta yang hadir pada upacara pelancaran tersebut telah menerima 'baton maya' daripada Duta WRWR Brunei, Pengiran Siti Redzaimi binti Pengiran Haji Ahmad.

Pengiran Siti Redzaimi yang mula menunggang motosikal sejak usia 18 tahun, menjelaskan bahawa lebih ramai peminat dan penunggang motosikal wanita di negara ini daripada yang

■ Berita dan Foto : Ihsan WRWR Brunei

SESI bergambar ramai bersama penunggang motosikal wanita dari seluruh negara termasuk juga Duta WRWR Brunei, Pengiran Siti Redzaimi binti Pengiran Haji Ahmad.

disangka.

Menurut beliau, setiap penunggang wanita yang menerima baton tersebut berpeluang untuk menyerahkannya kepada ramai penunggang lain sepanjang tahun 2026.

"Kami mungkin antara negara terkecil yang mengambil bahagian, namun kami mempunyai semangat yang tinggi serta penunggang yang telah merancang perjalanan ke luar negara bagi membawa baton ini merentasi pelbagai negara, sekali gus menghubungkan wanita penunggang motosikal di seluruh dunia," jelasnya.

Beliau menambah, objektif utama penganjuran ini adalah untuk mengeratkan hubungan, memperkenalkan jaringan baharu serta menghubungkan seramai mungkin wanita yang menikmati setiap aspek dunia permotoran.

Selain itu, relay ini juga

bertujuan untuk meningkatkan keyakinan diri dalam kalangan penunggang wanita, di samping membantu mereka memahami motosikal masing-masing serta berupaya menjaga dan menyelenggaranya sendiri. Usaha ini secara tidak langsung dapat mengatasi rasa takut yang sering menjadi penghalang kepada wanita untuk menunggang secara bersendirian.

Pada penganjuran tahun 2019, WRWR menggunakan baton fizikal dan berjaya menghubungkan lebih 20,000 penunggang wanita dari lebih 100 buah negara.

Dengan pengenalan aplikasi baharu ini, penganjur WRWR menyasarkan untuk menghubungkan setiap penunggang motosikal wanita di seluruh dunia, di samping mengubah persepsi masyarakat terhadap peranan dan keupayaan penunggang motosikal wanita.

WRWR Brunei turut menerima sokongan daripada beberapa persatuan dan kelab motosikal tempatan, antaranya Persatuan Motosikal Darussalam (PEMODA), Harley Owners Group (H.O.G.) Brunei Chapter, KB Bikerz, Bersatu Bikers Club (BBC) Brunei serta The Moto and Gincu.



INSTITUT PERKHIDMATAN AWAM

Notis Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:

IPA / PENT / SEBHAR / 354 [2026 - 2027]

Tawaran Menghadapkan Kertas Cadangan Dan Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Latihan Di Institut Perkhidmatan Awam Bagi Tempoh 1 April 2026 Hingga 31 Mac 2027

Tarikh Tutup Menghadapkan Sebut Harga:

Selasa,
10 Februari 2026
Jam 9.00 Pagi

Yuran Pendaftaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)



KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

Tarikh Buka Sebut Harga:
Isnin,
19 Januari 2026

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada:
Isnin,
2 Februari 2026

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa,
3 Februari 2026
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
KHEDN / LTK / 2026-01

Tajuk Projek:
Kerja-Kerja Menaiktaraf Dan Pembaikpulihan Rumah Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Temburong

Bilangan Projek:
KHEDN / UPE / 2106 / 10

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)



UNISSA / LTK /
RKN-PTM(01) / 2026

The Design, Development, Supply, Delivery, Installation, Testing, Commissioning And Maintenance Of Project Smart University (Phase 1)
Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
24 Februari 2026
Jam 12.00 Tengah Hari



JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN

Bilangan Dan
Tajuk Tawaran:

JKP / SH / 2025-2026 / 72
To Design, Provide Copywriting, Editorial, Printing And Delivery Of Promotional Brochures For Cruise Tourism At Sea Trade Cruise Global 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
12 Februari 2026,
Jam 2.00 Petang



JABATAN BOMBA DAN
PENYELAMAT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

Tajuk Tawaran:
Sebut Harga Bagi :
Leasing Of Treadmill
Gym Equipment
(3 Years Contract)
(Ruj: JBP / TSH / 49 / 2025-2026)

Tarikh Tutup / Jam:
Khamis,
29 Januari 2026
1.50 Petang

Yuran Tawaran:
BND5.00



KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Sebut Harga:
KSSUP / BPK / JKSH /
ADMIN / 4 / 2025-2026

Tajuk Sebut Harga:
Menyediakan Jamuan Dan Membekalkan Kelengkapan Bagi Acara-Acara Keagamaan Semasa Bulan Ramadhan 1447H / 2026M, Kementerian Sumber-Sumber Utama Dan Pelancongan

Tarikh Buka Sebut Harga:
Sabtu,
19 Januari 2026

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
12 Februari 2026,
Jam 2.00 Petang

Tarikh Taklimat (Jika Berkenaan):
Bermula 19 Januari 2026, Isnin
Jam Semasa Waktu Bekerja

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian



JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN

Jabatan Perhutanan Kementerian Sumber-Sumber Utama Dan Pelancongan Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3910 Negara Brunei Darussalam

Invitation for Expression of Interest (EOI)

Bilangan Rujukan Projek:
JPH / SH / EOI / 2566 / 2025-2026

Tajuk Projek:
Forest Certification Readiness Development- Achieving Forest Stewardship Council (FSC) Certification in Sustainable Forest Management for Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Khamis,
26 Februari 2026



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas:
V & VI Sahaja

Kategori:
KA01

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran:
Selasa,
3 Februari 2026
Tidak Lewat Dari
Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
10 Februari 2026
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang

Bilangan:
JKR / DOR / SRM 02 / 2026

Nama Projek:
Membaik Pulih dan Menurap Semula Jalan Utama – Jalan Utama Tanah Jambu

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen :
Tidak Ada



Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas:
V & VI Sahaja

Kategori:
KA01

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran:
Selasa,
18 Februari 2026
Tidak Lewat Dari Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
3 Mac 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan:
JKR / DOR / BBA 36 / 2025

Nama Projek:
Pengurusan Pemeliharaan Berintegrasi Bagi Jambatan Dan Kalbat, Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen :
Tidak Ada



Dibukakan Kepada Pemborong-pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas:
III sahaja

Kategori:
B01, KA01 dan E01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM001 / 2026

Bil. Projek:
2026DBSBM / JKR.01

Nama Projek:
Integrasi Pengurusan Pemeliharaan Bangunan (52 Minggu) Bagi Unit Kosong Flat Sinarubai dan Blok EF Beribi Di Bawah Kawalan JKR, Daerah Brunei Muara, Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:
Selasa,
20 Januari 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
3 Februari 2026
Tidak lewat
jam 2.00 Petang.





JABATAN DAERAH TUTONG KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran:
JDT / KPD / 13 / 2025 - 2026

Tajuk Tawaran:
Maintenance Of Two (2) Units Of 'Sigma' Lift At Tutong District Office Building, Negara Brunei Darussalam For A Period Of Twenty-Four (24) Months (1.05.2026 – 30.04.2028)

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
Isnin, 26 Januari 2026
Jam 2.00 Petang



JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Di Negara Brunei Darussalam**

Kelas:
II, III

Kategori:
B01, KA01, KA02, S01, S02

Tarikh Buka Tawaran pada:
12 Januari 2026 (Isnin)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
27 Januari 2026 (Selasa)

Tarikh Tutup Pada:
3 Februari 2026 (Selasa)
Sebelum jam 2.00 Petang.

(Di Tutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / BKP / T033 / 2025
Kerja-Kerja Perobohan Lima (5) Bangunan Stesen Pemindahan Sisa Sedia Ada Di Kampong Ayer.

No. Projek:
JASTRE / BKP / T033 / 2025

Jumlah Yuran Tawaran:
BND 10.00 (Non Refundable)



Bilangan Tawaran:
JDT / KPD / 14 / 2025 - 2026

Tajuk Tawaran:
Kerja-Kerja Memungkah, Membersihkan, Perkhidmatan Pengangkutan Dan Pembuangan Sampah Bagi Bangunan-Bangunan Kerajaan dan Perumahan-Perumahan Kerajaan Di Bawah Kawalan Jabatan Daerah Tutong Bagi Tempoh Kontrak Dua (2) Tahun. (Tahun 2026 Hingga Tahun 2028)

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
Isnin,
26 Januari 2026
Jam 2.00 Petang



JABATAN DAERAH TEMBURONG KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Tajuk Tawaran Ruang Kedai:
Pemberitahuan Tawaran Ruang Kedai Kosong kepada Pengusaha-Pengusaha di Kompleks Utama Bumiputera, Pekan Bangar Temburong.

Tarikh Tutup:
Rabu,
23 Februari 2026

Bilangan 1

No. Ruang Kedai:
NO. A4 – A5 – A6, Aras Bawah

Keluasan:
108m2

Sewa Bulanan:
BND450.00

No. Ruang Kedai:
No A1-4, Tingkat Satu

Keluasan:
29.25m2

Sewa Bulanan:
BND100.00



JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Pemberitahuan Sebut Harga Jabatan Pertanian dan Agrimakanan

Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti
Sebut harga dan dialamatkan kepada Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Jalan Muhibbah, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510 Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat dari jam 2.00 petang pada Khamis, 12 Februari 2026.

Borang Sebut harga:
BND7.00

1. JPt / SH / 64(A) / 2025 - 2026
Kerja-Kerja Pembaikan Am di Bangunan Banglo 2 dan 3, KKP Tungku
2. JPt / SH / 112 / 2025 - 2026
Supply, Delivery, Installation, Testing and Commissioning of Microscope with Accessories for The Plant Pathology Laboratory in Support of ISO/IEC 17025:2017 Compliance
3. JPt / SH / 113 / 2025 - 2026
Provision of Laboratory-Based Molecular Identification and DNA / RNA Sequencing Services for Plant Pathogenic Microorganisms
4. JPt / SH / 114 / 2025 - 2026
Kerja-Kerja Memotong Rumput dan Membersih Kawasan Bagi Pusat Pertanian Brunei Kilanas, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Daerah Brunei Muara Untuk Tempoh Satu (1) Tahun



Bilangan 2

No. Ruang Kedai:
No. B1-10, Tingkat Satu

Keluasan:
7.5m2

Sewa Bulanan:
BND30.00

No. Ruang Kedai:
NO. B1-11, Tingkat Satu

Keluasan:
8.75 m2

Sewa Bulanan :
BND30.00



JABATAN DAERAH TUTONG KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**Bilangan Dan
Tajuk Sebut Harga / Tawaran:**
JDT / KPD / 16 / 2025-2026
Sebut Harga Bagi Pembekalan Vending Machine Selama 36 Bulan (01.04.2026 – 31.03.2029)

Yuran Tawaran:
BND5.00

**Tarikh
Tutup Tawaran:**
Isnin,
2 Februari 2026
Jam 2.00 Petang



Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JDT / KPD / 15 / 2025-2026
Comprehensive Repair Of JCB 3DX Super 4WD Backhoe Loader (BG2484) – Rectification (Out Of Service), Hydraulic System, Boom Refurbishment, Tire Replacement And Towing

Yuran Tawaran:
BND5.00

**Tarikh
Tutup Tawaran:**
Isnin,
2 Februari 2026
Jam 2.00 Petang



سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI: WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.
2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.
3. Lengkapi Profil PSKR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
4. Lengkapi Kelulusan (keputusan / pangkat serta subak / bidang kelulusan)
5. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap "Sal. Kelulusan dan pengiklutan Hujung Kelulusan Pengiklutan Kelulusan (PKP) yang berkesan"
6. Tandakan " " pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
7. Lengkapi Maklumat (Borang / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan profesional dan latihan yang dipersetujui di dalam skim iklan)

JAWATAN, TAMGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1. PEGAWAI PENYELIDIK DAN PERKEMBANGAN JABATAN PENGANGKUTAN DARAT KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI B.2 EB.3 / B.2 (BAHAGIAN II) 2026/JAN/02/KPI	KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI	01	7(A)	02 FEBRUARI 2026
2. PEMERHATI KAJICUACA TINGKAT II JABATAN KAJICUACA BRUNEI DARUSSALAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI D.1-2 EB.3 (BAHAGIAN IV) 2026/JAN/03/KPI	KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI	03	7(A)	02 FEBRUARI 2026
3. PEMBANTU PERGIAN KANAN JABATAN PERKHIDMATAN PERGIAN KEMENTERIAN KESIHATAN M.4 EB.5 (BAHAGIAN IV) 2026/JAN/02/KKS	KEMENTERIAN KESIHATAN	07	7(A)	02 FEBRUARI 2026

PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSKR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAU(AI) DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANKAN DIBAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
3. PANDUAN PSKR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

No. Ruang Kedai:
No. B1-12,
No. B1-13,
Tingkat Satu

Keluasan:
15m2

Sewa Bulanan:
BND40.00

Bilangan 3

No. Ruang Kedai:
No. C1-1, Tingkat Satu

Keluasan:
18.9m2

Sewa Bulanan
BND70.00



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / TA / BOL / 002
[JPPK / LTN / 10 / 2024]
Five (5) Years Term Contract For The Facilities Management And Maintenance Of Bolkiah Garrison And Associated Facilities, Royal Brunei Armed Forces, Ministry Of Defence, Brunei Darussalam

Tarikh Mula Tawaran:
29 Disember 2025

Kelas:
V dan ke Atas

Kategori:
KA01 dan B01

Tempoh Penyiapan Kerja:
Lima (5) Tahun

Yuran Tawaran:
BND1,005.00
(Yuran tawaran = BND1,000.00 + Yuran e-dokumen = BND5.00)
(Tidak dikembalikan)

Yuran Dokumen (MINDEF SOR 2019)
(Tidak Dikembalikan):
BND500.00 satu set
(dalam bentuk CD)*

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah pada **Selasa, 27 Januari 2026**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
24 Februari 2026
Jam 12.00 Tengah Hari

***Makluman**
Untuk dipertimbangkan dalam tawaran ini, setiap penender dimestikan untuk membeli 'MINDEF SOR 2019 Edition' atas nama syarikat mereka sendiri. Jika pernah membeli 'MINDEF SOR 2019 Edition' sebelum ini, penender hendaklah menghadapkan salinan resit pembayaran terdahulu. Edisi 'MINDEF SOR 2011 dan MINDEF SOR 2015' adalah tidak lagi digunakan.



Makluman Perubahan Kelas
Kelas:
IV dan Ke Atas
Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / TA / GEN / 005
[JPPK / LTN / 03 / 2025]
Structural Integrity Assessment Of Various Accommodation And Operational Buildings Within MINDEF Establishments

Kategori:
KA01 dan / atau KPB18

Tempoh Penyiapan Kerja:
Sembilan (9) Bulan

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
3 Februari 2026
Jam 2.00 Petang



Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / CCAU / 02 (1)
Residential Leasing For RBAF Married Staff – Two (2) Years Contract (With An Option Of 6 Months Extension)

Tarikh Mula Tawaran:
Rabu
21 Januari 2026

Yuran Tawaran:
BND 500.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah **seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Isnin, 16 Februari 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
24 Februari 2026
2.00 Petang

Tarikh Information Day:
Rabu,
18 Februari 2026
(Tertakluk Kepada Sebarang Perubahan)



Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / CAU / TUDB / TA / 001
Pembelian Alat-Alat Ganti Ground Handling Wheel Bagi Tentera Udara Diraja Brunei

Yuran Tawaran:
BND 30.00
(Tidak dikembalikan)

Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / NAU / DEN / TA / 01
Pembelian Peralatan Dan Kelengkapan Pergigian (Dental Equipment), Markas Khidmat Pergigian Kementerian Pertahanan, Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND 30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah satu minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 27 Januari 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 3 Februari 2026
Jam 2.00 Petang



Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / DITU / TA / 01
Membaharui 'License And Support Renewal For Solarwinds IP Address Manager (IPAM)'

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah **seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Selasa, 3 Februari 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
10 Februari 2026
Jam 2.00 Petang



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / TA / GEN / 003 (M&E)
[JPPK / LTN / 11 / 2025 (M&E)]
Mechanical & Electrical Consultancy Services For The Proposed Airstrip For Royal Brunei Armed Forces

Tarikh Mula Tawaran:
15 Disember 2025

Syarat Penyertaan:
A Qualified Person Authorised by Practicing Certificate issued by BAPEQS at Ministry of Development

Tempoh Penyiapan Kerja:
Sehingga Penyiapan Defects Liability Period (DLP) bagi Projek Pembinaan

Yuran Tawaran:
BND500.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu pada **Selasa, 20 Januari 2026**

Tarikh Tutup Tawaran:
27 Januari 2026
(Selasa)
Jam 2.00 Petang



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / TA / GEN / 003 (C&S)
[JPPK / LTN / 11 / 2025 (C&S)]
Civil & Structural Consultancy Services For The Proposed Airstrip For Royal Brunei Armed Forces

Tarikh Mula Tawaran:
15 Disember 2025

Syarat Penyertaan:
A Qualified Person Authorised by Practicing Certificate issued by BAPEQS at Ministry of Development

Tempoh Penyiapan Kerja:
Sehingga Penyiapan Defects Liability Period (DLP) bagi Projek Pembinaan

Yuran Tawaran:
BND500.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu pada **Selasa, 20 Januari 2026**

Tarikh Tutup Tawaran:
27 Januari 2026
(Selasa)
Jam 2.00 Petang



PERATURAN PENGIKLANAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (soft copy) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

KETAHUI SUMBER GARAM AWDA



کمنتین کصیحت
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

**GARAM TERDIRI
DARI 40% SODIUM**



1

Pilih makanan segar dan tidak berproses

2

Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat



3

Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam

4

Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin

5

Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

1385 mg



1 bungkus
Mee Segera

1000 mg



Sebiji
Telur Masin

880 mg



1 sudu makan
Kicap

376 mg



3 sudu makan
Corned Beef

295 mg



1 bungkus kecil
Keropok Ubi Kentang

243 mg



1 bungkus kecil
Keropok Udang
Tempatan

120 mg



1 cawan
Kentang Goreng

116 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Salted)

15 mg



3 keping
Kraker Beras

2.4 mg



1/2 cawan
Amping

1.7 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Unsalted)

1.2 mg



Sebiji ukuran sederhana
Pisang

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok



hpcbrunei



Health Promotion Centre



Talian Darussalam 123



جوالن سالىنن كمبر ٢ دىكىتل

JUALAN SALINAN GAMBAR-GAMBAR DIGITAL



HARGA JUALAN

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.
Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan satu keping cd adalah BND21.
(Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

JENIS-JENIS

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam laman galeri Infofoto (www.infofoto.gov.bn) dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil oleh warga Jabatan Penerangan.

IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400

FAKS : 2382242

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:
KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

WAKTU PERNIAGAAN

Isnin - Khamis
8.00 Pagi – 12.00 T/hari
2.00 Ptg – 3.00 Ptg
Sabtu
8.00 Pagi – 11.00 Pagi



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

MEMPERKASA PENGETAHUAN, KEMAHIRAN BIDANG URUTAN TRADISIONAL MELAYU

Oleh : Siti Rokiah Abdullah

Foto : Ihsan Dayang Hajah Linda Aini Abdullah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Januari. - Seramai 15 peserta telah menyertai Kursus Urut Tradisional Melayu Tahap 1 dan Tahap 2 yang diadakan selama lima hari, bertujuan untuk memperkasa pengetahuan serta kemahiran dalam bidang urutan tradisional Melayu.

Majlis Penyampaian Sijil bagi kursus berkenaan telah disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis, Pengiran Datin Hajah Masrelawati binti Pengiran Haji Mohd. Said.

Majlis diadakan di Bilik Laithan, WA Waty Armyeza Urut Tradisional Brunei, Kiulap.

Kursus berkenaan dianjurkan bagi memberi pendedahan dan kefahaman kepada peserta mengenai urutan tradisional Melayu, sekali gus memelihara dan meneruskan warisan budaya Negara Brunei Darussalam melalui amalan kaedah urutan secara tradisional.

Antara objektif utama kursus berkenaan ialah untuk mengajarkan tatacara serta teknik urutan yang betul, memberikan kemahiran praktikal

kepada peserta, serta menerangkan manfaat terapi urutan tradisional Melayu terhadap kesihatan.

Sepanjang kursus dijalankan, para peserta telah mengikuti pembelajaran secara teori dan praktikal, meliputi teknik-teknik asas urutan tradisional Melayu serta kaedah pelaksanaannya secara selamat dan berkesan.

Kursus berkenaan dikendalikan oleh WA Waty Armyeza Urut Tradisional Brunei dengan kerjasama AFDAL Training and Consultancy.

Fasilitator dan jurulatih kursus terdiri daripada Pengurus WA Waty Armyeza Urut Tradisional Brunei, Dayang Latifah binti Abdul Razak; serta Konsultan dan Pengarah Urusan AFDAL Training and Consultancy, Dayang Hajah Linda Aini binti Abdullah.

Peserta kursus terdiri daripada pelbagai latar belakang termasuk pesara, bekas guru, penjawat awam, mahasiswi, kakitangan sektor awam serta individu persendirian. Bagi golongan pesara dan individu, ilmu serta



ANTARA yang menerima Sijil Kursus Urut Tradisional Melayu Tahap 1 dan Tahap 2.

kemahiran yang diperoleh melalui kursus berkenaan boleh dimanfaatkan untuk membantu diri sendiri dan keluarga dalam meredakan ketidakselesaan atau masalah kesihatan ringan.

Selain itu, bagi peserta yang berminat untuk menceburi bidang urutan secara profesional, kursus berkenaan turut membuka peluang untuk menjadikan kemahiran tersebut sebagai

sumber pendapatan, termasuk sebagai persediaan awal bagi mereka yang bercadang untuk membuka salon urut, dengan memiliki asas pengetahuan dan kemahiran yang sewajarnya.

ISB, RB meterai MoU perkukuhkan kerjasama strategik



PENANDATANGANAN Memorandum Persefahaman (MoU) yang berlangsung di Kampus Bandar Sekolah Antarabangsa Brunei.

Siaran Akhbar dan Foto : Royal Brunei Airlines

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Januari. - Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB) dan Royal Brunei Airlines (RB) membentuk perkongsian strategik yang bertujuan untuk terus meneguhkan Negara Brunei Darussalam sebagai hab pendidikan antarabangsa, di samping mengekalkan perkongsian jangka panjang melalui pendidikan, penerbangan dan penglibatan global.

Perkongsian tersebut dimeterai melalui penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) yang berlangsung di Kampus Bandar ISB.

Menandatangani bagi pihak ISB ialah Pengurus Besar, Vienna Law, dan Pengurus Pemasaran dan Pembangunan Perniagaan, Shahnaz Nazimuddeen. Manakala

bagi pihak RB, diwakili oleh Interim CEO, Kolonel Norsuriati binti Haji Sharbini, serta Vice President Digital, Loyalty and Marketing, Susan Shim.

Dengan lebih 60 tahun kecemerlangan akademik yang inklusif, kerjasama ini menyaksikan ISB dengan RB sebagai syarikat penerbangan pilihan, menyokong pelbagai kerjasama komuniti antarabangsa sekolah.

Perkongsian ini meningkatkan jaringan antarabangsa untuk keluarga ekspatriat, pelajar antarabangsa dan pelajar asrama dengan memudahkan perjalanan pergi dan balik ke negara ini di samping memperkukuh reputasi Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi yang selamat, mesra dan mempunyai hubungan

antarabangsa yang baik untuk pendidikan bertaraf dunia.

MoU antara ISB dan RB mencerminkan komitmen bersama terhadap kecemerlangan, wawasan global dan pembangunan negara - dengan memanfaatkan pendidikan dan penerbangan sebagai platform utama untuk menghubungkan NBD dengan dunia.

Dalam ucapannya, Pengetua Eksekutif ISB, Dominic Morley, berkata, perkongsian ini melambangkan komitmen bersama terhadap kerjasama, inovasi dan perkhidmatan kepada masyarakat mereka.

Tambahnya, ISB dan RB bersama-sama akan mewujudkan peluang yang memberi manfaat bukan sahaja kepada organisasi mereka, termasuk pihak yang menjadi sasaran khidmat mereka - para pelajar serta keluarga, dan



juga para penumpang setia RB.

"Bersama-sama, kita menyumbang kepada peningkatan imej dan pertumbuhan ekonomi Brunei. Kerjasama ini akan meningkatkan kesedaran antarabangsa terhadap Brunei dengan menonjolkan kelebihan negara dalam bidang pendidikan, penerbangan dan inovasi," tambah Dominic Morley.

Sementara itu, Interim CEO RB dalam ucapannya menyatakan, MoU ini adalah mengenai hubungan dan tujuan bersama yang menghubungkan dua organisasi dalam menyokong golongan belia untuk meneroka dunia - ISB melalui pendidikan dan RBA, sebagai syarikat penerbangan kebangsaan, melalui penerbangannya.

Perkongsian ini bukan sekadar membolehkan perjalanan, ia merangkumi keseluruhan komuniti ISB dengan memupuk pertumbuhan dan pembangunan belia melalui pendedahan global dan peluang masa hadapan.

Dengan kerjasama erat, mereka berhasrat untuk mewujudkan perjalanan yang bukan sahaja

lancar tetapi transformatif, membuka laluan kepada pembelajaran dan inspirasi.

Kerjasama ini juga mencerminkan aspirasi Wawasan Brunei 2035 dengan mengukuhkan perkongsian jangka panjang antara sektor pendidikan dan industri, serta harapan dalam pembentukan masa depan yang bermakna bersama ISB.

Melalui perkongsian ini, ISB dan RB berhasrat untuk menyokong mobiliti pelajar antarabangsa serta membina hubungan dan kepercayaan jangka panjang, sekali gus meletakkan NBD sebagai negara pilihan untuk pendidikan, pelancongan dan kerjaya masa hadapan.

IKLAN

DynamicsGrow, baja cecair teknologi nano pertama buatan tempatan, jalan penyelesaian bagi masalah tanaman biskita. Hubungi kami +673 8265111 untuk pertanyaan lanjut.

NBD terima ketibaan Luminara Superyacht



NEGARA Brunei Darussalam (NBD) mengalu-alukan ketibaan sebuah kapal pelayaran, Luminara, superyacht The Ritz-Carlton Yacht Collection, yang membawa kira-kira 207 orang penumpang dan 334 orang anak kapal (atas dan kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Januari. - Negara Brunei Darussalam (NBD) mengalu-alukan ketibaan sebuah kapal pelayaran, Luminara, superyacht The Ritz-Carlton Yacht Collection, yang membawa kira-kira 207 orang penumpang dan 334 orang anak kapal, dalam lawatan sulungnya ke negara ini selepas tiba dari Republik Filipina sebelum meneruskan pelayaran ke Republik Singapura.

Persinggahan ini merupakan satu perkembangan penting bagi sektor pelancongan kapal persiaran di NBD.

Setibanya di negara ini, para penumpang disambut dengan persembahan kebudayaan yang meriah, menampilkan warisan

yang kaya serta keramahan mesra rakyat NBD.

Majlis sambutan tersebut menjadi pembuka tirai kepada satu hari yang penuh dengan penerokaan. Sepanjang lawatan, para penumpang berpeluang mengunjungi beberapa tarikan utama termasuk Muzium Alat Kebesaran Diraja, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanah Bolkiah, Masjid Omar 'Ali Saifuddin serta Kampong Ayer, sekali gus memberikan mereka pemahaman yang lebih mendalam mengenai sejarah, budaya dan cara hidup di negara ini.

Ramai pengunjung juga mengambil kesempatan untuk menikmati hidangan tempatan

serta membeli cenderamata di Pusat Kapal Persiaran, yang menambah pengalaman peribadi dan kenangan bermakna sepanjang lawatan mereka.

Lawatan Luminara ini juga mencatatkan satu detik bersejarah bagi NBD apabila ia menjadi *superyacht* mewah bertaraf tinggi yang pertama pernah singgah di negara ini.

Pencapaian bersejarah ini menetapkan satu tanda aras baharu dalam pembangunan pelancongan kapal persiaran negara, sekali gus menonjolkan daya tarikan NBD sebagai destinasi eksklusif bagi segmen pelancongan kapal persiaran premium dan mewah serta membuka laluan kepada peluang pelancongan kapal persiaran bertaraf tinggi pada masa hadapan.

Bantu kesan Dayang Nurelnizah Hazurah



Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

DAYANG Nurelnizah Hazurah@Ruhil Hazurah binti Abd. Hadi, dilaporkan keluar dari rumah.

dilaporkan keluar dari rumah, Dayang Nurelnizah Hazurah@Ruhil Hazurah binti Abd. Hadi, 33 tahun, warganegara Brunei Darussalam, pemegang Kad Pengenalan 01-053176 (K).

Jika terdapat sebarang maklumat mengenai beliau, sila hubungi ke Balai Polis Tutong di talian +673 4221333 atau talian kecemasan polis 993 atau terus melaporkan ke balai-balai polis berdekatan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Januari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) memohon kerjasama dan bantuan daripada orang ramai untuk mengesan seorang berstatus isteri yang



Susulan lawatan sulung ini, NBD dijadualkan menerima ketibaan beberapa lagi kapal persiaran, termasuk Zhao Shang Yi Dun - Viking Sun pada 25 Januari 2026 dan Adora Mediterranea pada 30 Januari 2026.

Kedua-dua kapal tersebut merupakan kapal persiaran yang

pernah berkunjung ke negara ini sebelum ini dan dijangka membawa pelancong dari Republik Rakyat China, sekali gus mengukuhkan lagi kedudukan NBD sebagai destinasi yang semakin popular dalam pasaran pelancongan kapal persiaran Republik Rakyat China.

OPERASI KAKAS MENAHAN 4 WARGA ASING



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Januari. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) melalui Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, Bandar Seri Begawan telah melaksanakan satu operasi penguatkuasa undang-undang di

bawah Operasi Kakas JIPK 2026 yang menyasarkan kepada rumah dan bilik-bilik sewa di Mukim Pengkalan Batu.

Seramai empat orang warganegara asing diperiksa yang mana kesemuanya telah ditahan dan dibawa ke Bahagian



Penguatkuasa Undang-Undang bagi siasatan lanjut kerana dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah Pas Imigresen mereka mansuh.

Tiga orang daripada warganegara asing berkenaan juga dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 9(4), Peraturan

Imigresen, Penggal 17 kerana bekerja menggunakan Pas Lawatan.

Manakala itu, seorang lagi daripadanya turut dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 15(2), Peraturan Imigresen, Penggal 17 kerana bekerja bukan dengan majikan asal.

Susulan daripada Operasi

JABATAN Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) melalui Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, Bandar Seri Begawan melaksanakan satu operasi penguatkuasa undang-undang di bawah Operasi Kakas JIPK 2026 (kiri sekali dan kiri).

Kakas 5/2026 berkenaan, JIPK juga ingin mengongsikan satu sesi pendakwaan yang telah dilaksanakan mengikut Akta Imigresen, Penggal 17. Keterangan pendakwaan iaitu Jamaludin, seorang lelaki warganegara Republik Indonesia berumur 46 tahun dijatuhkan hukuman penjara selama empat bulan dan tiga kali sebatan setelah mengaku bersalah bagi kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah Pas Imigresen beliau mansuh. Hukuman mula berkuat kuasa pada 13 Januari 2026.

Jabatan ini mengalu-alukan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah imigresen dengan menghubungi ke Talian Hotline JIPK di talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).

PUISI

Raja buah hati rakyat

Hanya Islam jua yang peka mengenai raja, hanya Islam jua yang faham mengenai harga raja yang dianggap payung Allah di bumi-Nya. Itulah dia raja. Jika rakyat memahami ini, maka jadilah raja "buah hati" mereka. Lalu, jika raja susah ditolong, jika raja senang disyukuri, jika raja sakit dirawat dan dido'akan, bahawa sesungguhnya do'a rakyat itu dituntut kerana do'a adalah penawar kerana do'a adalah perisai dan kerana do'a juga senjata, bahawa tiada sesuatu yang lebih hebat dari do'a yang lebih gagah dari do'a. Lalu mengambil tabarruk do'a pun dibaca sebagai "pesambah" untuk raja. Ini... barulah ada makna kita beraja. Contoh orang 'arif yang mengenali harga do'a ialah seorang Khalifah Kerajaan Bani Umayyah, nama beliau: 'Umar bin 'Abdul 'Aziz, beliau ini dianggap seorang Khalifah yang paling adil yang paling wara' yang paling bijaksana, tetapi orangnya suka merendah diri dengan berkata kepada rakyatnya: "Bantulah aku dengan do'a kamu." Lalu bermadallah sejarah menyebut pemerintahan Khalifah ini sebagai telah mencapai puncak kegemilangannya yang luar biasa, dengan negara aman dan makmur sehingga sukar untuk mencari penerima zakat kerana semua rakyat kaya belaka. Ini, menurut analisa turut bersebab dari do'a rakyat, kerana do'a itu adalah kekuatan utama sebuah pemerintahan, kerana apabila raja

atau pemimpin dido'akan, maka pintu rahmat pun terbuka untuk dimasuki oleh semua... Demikian itu keramah do'a. Kemudian ada lagi riwayat mengenai Khalifa Harun Ar-Rasyid pernah jatuh sakit, lalu para 'ulama dan rakyat di zamannya mendo'akannya. Imam Malik Rahimahullah pula pernah berpesan kepada rakyat dengan berkata: "Perbanyakkanlah do'a untuk raja atau pemimpin kamu, kerana dengan cara itu segala kebaikan akan tumbuh untuk kamu." Seorang lagi Imam Mazhab Ahmad bin Hanbal Rahimahullah, beliau itu telah mewajibkan dirinya untuk mendo'akan raja siang dan malam. Mengapa... mendo'akan raja itu sangat dikuatkan oleh ugama? Kerana... dengan mendo'akan raja semua kebajikan akan berpihak kepada kita. Jika raja selamat, rakyat dan negara insya' Allah selamat; jika raja sihat, rakyat dan negara insya' Allah akan menikmati kepemimpinan yang sihat; jika raja lanjut usia, seluruh rakyat dan negara insya' Allah akan terus bernaung di bawah payung pemerintahan Baginda yang adil saksama lagi bijaksana, demikian itulah hikmah mendo'akan raja. Maka oleh yang demikian telah jadi kewajipan kita untuk mendo'akan raja kita supaya prosedur rawatan Baginda akan berjalan dengan lancar dan hasilnya kesembuhan segera. Amin, Amin, Amin, ya Rabbal 'Alamin.

ADI RUMI,
Rumah Hidayah,
Brunei Darussalam,
27 Rejab, 1447
17 Januari, 2026.

4 PELAJAR UBD JALANI PENEMPATAN KERJA DI AFSA



SERAMAI empat orang pelajar dari Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatulk Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam telah ditempatkan di Persatuan Aftercare Support Association (AFSA) bagi mengadakan Penempatan Kerja (Discovery Year Placement).

Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Aftercare Support Association

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Januari. - Seramai empat orang pelajar dari Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatulk Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam telah ditempatkan di Persatuan Aftercare Support Association (AFSA) bagi mengadakan Penempatan Kerja (Discovery Year Placement) selama tiga bulan mulai 19 Januari hingga 19 Mac 2026.

Ini merupakan satu pengikhtirafan dan penghargaan tinggi bagi pihak AFSA kerana telah dipilih oleh UBD bagi penempatan kerja bagi mahasiswa dan mahasiswi mereka.

Di antara tujuan penempatan kerja ini ialah bagi mempelajari dan menimba tatacara kemahiran dalam pengurusan dan

pengendalian Rakan Seliaan (RS) yang telah bebas dari Jabatan Penjara, selain memahami aktiviti dan program yang dikendalikan oleh pihak AFSA dalam menyantuni dan membantu RS.

Antara aktiviti dan program tersebut seperti pembangunan diri positif RS dan keluarga, sesi bimbingan dan kaunseling, motivasi, Program Keagamaan dan aktiviti sosioekonomi yang telah diberikan oleh pihak AFSA dan membina kolaborasi dengan syarikat-syarikat yang berkepentingan dengan pihak AFSA.


Oleh yang demikian, pihak AFSA telah menyediakan prosedur kerja dan jadual bagi mahasiswa berkenaan selama 3 bulan bersama pihak AFSA.

Pelajar-pelajar tersebut ialah Awang Izz Danish bin Hasmi, Dayang Siti Irdina Hakimah binti Haji Saiful, Dayangku Nur Izzah Nabihah binti Pengiran Zool Hilmi dan Dayang Nur Amalina binti Haji Sapar.

Semua program dan aktiviti mahasiswa akan dipantau oleh Pengarah Program dan Aktiviti AFSA, Dayang Salmah bin Haji Md. Noor selaku Penyelia.

Sehubungan itu, satu sesi perjumpaan dan mesyuarat telah diadakan baru-baru ini, yang dipengerusikan oleh Timbalan Yang Dipertua AFSA, Awang Haji Mustapa bin Haji Masri. Hadir sama ialah Setiausaha Agung AFSA, Awang Haji Mahali bin Haji Hassan, dan Pengarah Program dan Aktiviti AFSA, Dayang Salmah.

Semoga mahasiswa berkenaan akan meraih pelbagai pengetahuan dan kemahiran dari pihak AFSA sebagai nilai tambah dalam modul yang dipelajari dan kajian yang dilaksanakan.



BDMD
Brunei Darussalam
Meteorological
Department



JANGAN MENGIKUTI KENDERAAN DI HADAPAN AWDA TERLALU RAPAT

Jalan raya akan menjadi licin semasa hujan. Jika awda mendapati kenderaan di hadapan awda menekan brek secara tiba-tiba, awda mungkin tidak akan mempunyai masa untuk berhenti


[bruneiweather](https://www.facebook.com/bruneiweather)

[@brunei.weather](https://www.instagram.com/brunei.weather)

[Weather Line 114](https://www.weatherline114.com)

www.met.gov.bn

TRUMP : RANGKA KERJA MENGENAI GREENLAND, RANTAU ARTIK DICAPAI, TARIF DITANGGUHKAN



WASHINGTON, 22 Jan. - Presiden Amerika Syarikat (AS) Donald Trump pada Rabu berkata rangka kerja bagi perjanjian melibatkan Greenland dan rantau Artik yang lebih luas telah dibentuk susulan pertemuannya dengan Setiausaha Agung NATO Mark Rutte di Davos, Switzerland.

"Berdasarkan pertemuan yang sangat produktif yang saya adakan dengan Setiausaha Agung NATO, Mark Rutte, kami telah membentuk rangka kerja untuk perjanjian masa depan berhubung Greenland dan seluruh rantau Artik.

"Penyelesaian ini, jika dimuktamadkan akan membawa manfaat besar untuk Amerika Syarikat serta semua negara NATO," tulis Trump di Truth Social, menurut Anadolu Ajansi.

Trump tidak memberikan butiran lanjut namun menyatakan perbincangan tambahan sedang dijalankan. "Berdasarkan persefahaman ini, saya tidak akan mengenakan tarif yang dijadualkan berkuat kuasa pada 1 Februari," katanya.

Trump berkata perbincangan tambahan sedang diadakan berhubung Golden Dome, iaitu inisiatif sistem pertahanan peluru berpandu yang berkaitan dengan kedudukan strategik Greenland.

Beliau berkata Naib Presiden AS JD Vance, Setiausaha Negara Marco Rubio, Utusan Khas Steve Witkoff dan "beberapa individu lain" akan bertanggungjawab bagi rundingan itu.

Minggu lalu, Trump berkata Washington akan mengenakan tarif

10 peratus ke atas barangan dari Denmark, Norway, Sweden, Republik Perancis, Republik Persekutuan Jerman, UK, Belanda dan Finland bermula 1 Februari dan meningkat kepada 25 peratus pada Jun melainkan satu perjanjian dicapai bagi "pembelian lengkap dan menyeluruh Greenland" oleh AS.

Pemimpin Eropah menolak ancaman Trump terhadap lapan negara Eropah itu, mengulangi solidariti bersama Denmark dan berikrar untuk mengambil tindakan kolektif.

Dalam ucapannya pada Forum Ekonomi Dunia (WEF) di Davos awal Rabu, Trump menolak penggunaan kekuatan ketenteraan untuk memperoleh Greenland.

"Kami mungkin tidak mendapat

apa-apa kecuali jika saya memutuskan untuk menggunakan kekuatan dan kuasa berlebihan, yang akan menjadikan kami secara jujur, tidak dapat dihentikan, tetapi saya tidak akan berbuat demikian," kata Trump.

Greenland menarik perhatian Trump kerana kedudukannya yang strategik di wilayah Artik, sumber mineral yang luas serta dakwaan kebimbangan terhadap kehadiran Persekutuan Rusia dan Republik Rakyat China yang semakin meningkat.

Denmark dan Greenland menolak cadangan untuk menjual wilayah itu, menegaskan kedaulatan Denmark ke atas pulau berkenaan. Kemudian, Trump memberitahu CNBC bahawa beliau dan Rutte mempunyai "konsep

perjanjian".

"Saya fikir ia akan menjadi perjanjian yang sangat baik untuk AS juga untuk mereka, dan kami akan bekerjasama dalam sesuatu yang berkaitan dengan rantau Artik secara keseluruhan, dan juga Greenland," katanya.

Trump berkata perjanjian itu akan bersifat jangka panjang. "Ini adalah untuk selama-lamanya," tambahnya.

Sementara itu, Perdana Menteri Denmark Lars Lokke Rasmussen pada Rabu menolak sebarang perjanjian atau rundingan untuk memindahkan kedaulatan Greenland kepada Amerika Syarikat. - ©BERNAMA

Hujan lebat dan banjir jeaskan 600,000 penduduk di Mozambique, 50 maut

DAKAR, 21 Jan. - Hujan lebat sejak akhir bulan lepas mencetuskan banjir besar di seluruh Mozambique, mengorbankan sekurang-kurangnya 50 orang dan menjejaskan lebih 600,000 yang lain, menurut Pusat Penyelarasan Tindak Balas Kecemasan (ERCC) Kesatuan Eropah pada Selasa, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

ERCC memetik maklumat daripada pihak berkuasa bencana di negara Afrika Tenggara itu.

Hujan dijangka berlaku di selatan negara itu dalam tempoh 24 jam akan datang, katanya, dengan wilayah Gaza, Maputo, Inhambane dan Sofala terjejas.

Kira-kira 78,200 orang ditempatkan di pusat perlindungan

kecemasan, dan ribuan rumah musnah, menurut laporan itu.

Kemudahan kesihatan dan infrastruktur terjejas teruk, kata Ketua Pejabat Hal Ehwal Kemanusiaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (OCHA) di Mozambique, Paola Emerson, yang berucap dari Xai-Xai, ibu kota wilayah Gaza.

Beliau menyatakan bahawa 90 peratus penduduk tinggal di rumah diperbuat daripada adobe (tanah liat) 'yang pada dasarnya cair selepas beberapa hari hujan'.

Emerson berkata kira-kira 5,000 kilometer jalan raya telah rosak di sembilan wilayah, termasuk jalan utama yang menghubungkan ibu kota Maputo dengan bahagian lain negara itu, yang kini tidak dapat dilalui, sekali gus mengakibatkan

gangguan besar kepada rantaian bekalan.

Sungai Limpopo telah melimpah, membanjiri beberapa kawasan. Kesemua 14 pintu air di Empangan Massingir di anak sungai Limpopo telah dibuka buat kali pertama sejak 1977, lapor media Mozambique.

Aliran keluar telah meningkat kepada 17,000 meter padu sesaat daripada 10,000 dalam tempoh beberapa jam. Takungan air di hilir juga dilaporkan telah penuh.

Gabriel Monteiro daripada pihak berkuasa bencana kebangsaan INGD berkata banjir kali ini boleh menjadi lebih buruk daripada banjir 2000, apabila ratusan orang kehilangan nyawa.

Lebih banyak wilayah terjejas kali ini, katanya kepada agensi

berita negeri AIM, namun beliau menambah bahawa negara itu kini lebih bersedia.

Afrika Selatan dan Zimbabwe turut mengalami banjir, dengan

angka kematian di Afrika Selatan mencecah 30 orang sejak akhir Disember, lapor ERCC. Ia turut melaporkan 70 kematian di Zimbabwe. - ©BERNAMA

EU setuju bina perkongsian keselamatan dengan Republik India

NEW DELHI, 22 Jan. - Kesatuan Eropah (EU) bersedia membina perkongsian keselamatan yang lebih erat dengan Republik India ketika orde antarabangsa berasaskan peraturan kini berdepan tekanan akibat persaingan kuasa global.

"Ini merupakan detik penting bagi hubungan dua hala kita, dengan momentum politik yang diperbaharui dan matlamat yang jelas," kata Ketua Dasar Luar EU merangkap Naib Presiden Suruhanjaya Eropah, Kaja Kallas, di Parlimen Eropah pada Rabu.

"Hari ini kita bersetuju untuk mengorak langkah ke hadapan dengan menandatangani perkongsian keselamatan dan pertahanan baharu EU-Republik India dalam bidang seperti keselamatan maritim, keselamatan siber dan pencegahan keganasan," kata Kallas.

Beliau berkata Sidang Kemuncak EU-Republik India Ke-16 di New Delhi pada 27 Januari ini akan menerima pakai agenda strategik komprehensif bersama yang baharu.

Presiden Majlis EU Antonio Costa dan Presiden Suruhanjaya EU Ursula von der Leyen akan mengadakan lawatan negara ke Republik India dari 25 hingga 27 Januari ini sebagai tetamu utama sempena sambutan Hari Republik ke-77.

"EU dan India semakin mendekati antara satu sama lain pada ketika orde antarabangsa berasaskan peraturan berdepan tekanan yang tidak pernah berlaku sebelum ini akibat peperangan, paksaan dan pemecahan ekonomi," kata Kallas.

Mengenai "hasil konkrit" di sidang kemuncak itu, Kallas berkata Republik India dan EU menyasarkan untuk memuktamadkan rundingan perjanjian perdagangan bebas.

"Perjanjian ini akan membuka pasaran, menghapuskan halangan serta mengukuhkan rantaian bekalan kritikal dalam teknologi bersih, farmaseutikal dan semikonduktor," katanya.

Sebagai sebahagian daripada perkongsian yang "lebih bercita-cita tinggi dan lebih beroperasi", kedua-dua pihak turut mempertimbangkan usaha untuk memperkukuh kerjasama dalam beberapa bidang seperti keselamatan lalu lintas perkapalan, Kecerdasan Buatan, serta memudahkan pergerakan tenaga kerja mahir dan profesional. - ©BERNAMA

Enam lagi mayat ditemukan di lokasi nahas pesawat di Sulawesi

JAKARTA, 22 Jan. - Pasukan mencari dan menyelamatkan (SAR) gabungan Republik Indonesia menemukan enam lagi mayat dipercayai mangsa pesawat malang ATR 42-500 milik Indonesia Air Transport (IAT) yang mengalami nahas di lereng Bukit Bulusaraung, Sulawesi Selatan.

Seorang pegawai kanan tentera pasukan SAR, Kol. Dody Triyo Hadi berkata setakat 11.46 pagi waktu tempatan, operasi membawa keluar mayat dari lokasi nahas masih dijalankan.

"Lokasi (mayat mangsa) ditemukan dalam lingkungan 50 meter daripada mayat pertamadan kira-kira 250 meter dari puncak bukit," katanya pada sidang media pada Khamis.

Penemuan terbaharu itu menjadikan jumlah keseluruhan mayat yang ditemukan meningkat kepada sembilan.

Seorang lagi penumpang pesawat peronda Kementerian Hal Ehwal Maritim dan Perikanan masih hilang.

Pesawat itu dilaporkan terputus hubungan dengan kawalan trafik udara sekitar tengah hari pada 17 Jan lepas di Daerah Maros semasa dalam penerbangan dari Yogyakarta ke Makassar. - ©BERNAMA

Thailand uji sistem amaran kecemasan bergerak seluruh negara tingkat respons bencana

BANGKOK, 21 Jan. - Thailand menjalankan ujian sistem amaran kecemasan bergerak di seluruh negara menggunakan teknologi penyiaran sel pada Selasa, bertujuan mengurangkan kerugian akibat bencana melalui saluran komunikasi yang berkesan, lapor Xinhua.

Menurut Jabatan Pencegahan dan Pengurangan Bencana, ujian pada 2 petang waktu tempatan itu mencetuskan isyarat 'Amaran Nasional', yang direka untuk bencana berskala besar dan berimpak tinggi, pada peranti mudah alih di kesemua 76 wilayah dan Bangkok secara serentak.

Setiausaha Tetap Kementerian Dalam Negeri Unsit Sampuntharat berkata penilaian di seluruh

negara hari ini mengesahkan bahawa sistem amaran itu beroperasi sepenuhnya dan bersedia untuk berfungsi sebagai alat kritikal bagi keselamatan nasional.

Maklum balas awal yang dikumpul melalui persidangan video susulan ujian itu menunjukkan pengguna mudah alih di kawasan sasaran menerima amaran dwibahasa, iaitu bahasa Thai dan Inggeris dalam tempoh 10 saat, kata Unsit dalam satu taklimat media.

Ketua Pengarah jabatan berkenaan, Theerapat Kachamat menyatakan bahawa sistem amaran itu kini diprogramkan untuk merangkumi 14 jenis bencana khusus, termasuk gempa

bumi, tsunami, ribut, banjir, pencemaran udara, keganasan di kawasan awam, kebakaran dan kemalangan jalan raya.

Walaupun keputusan teknikal memuaskan, Theerapat menegaskan bahawa keberkesanan mana-mana sistem amaran bergantung kepada kerjasama orang awam dan keupayaan mereka untuk bertindak balas dengan betul terhadap nasihat yang diberikan.

Beliau menambah bahawa matlamat utama sistem ini adalah untuk memberi amaran kepada rakyat dan menyediakan mereka untuk bertindak tanpa panik, sekali gus meminimumkan kehilangan nyawa serta memastikan keselamatan. - ©BERNAMA

Mesir umum pengeluaran minyak baharu dari medan Teluk Suez

KAHERAH, 21 Jan. - Kementerian Petroleum dan Sumber Mineral Mesir mengumumkan permulaan pengeluaran daripada telaga pembangunan baharu di medan Safa Utara, Teluk Suez, yang dikendalikan oleh Gulf of Suez Petroleum Company (GUPCO), menurut Agensi Berita Emiriah (WAM).

Dalam kenyataan yang dikeluarkan pada Selasa, kementerian berkata telaga

Al-Wasl-4 telah mula menghasilkan kira-kira 2,250 tong minyak mentah sehari dan sekitar 1.3 juta kaki padu gas sehari, sekali gus meningkatkan jumlah pengeluaran syarikat kepada kira-kira 65,000 tong minyak mentah setiap hari.

Kementerian memaklumkan bahawa Al-Wasl-4 merupakan sebahagian daripada pelan pembangunan syarikat bagi 2026.

Medan Safa Utara, antara penemuan paling signifikan di Teluk Suez, mula beroperasi pada 2024 dan sedang melalui pembangunan lanjut, termasuk pemasangan platform pengeluaran luar pesisir dan pelaksanaan program suntikan air pada tiga telaga untuk meningkatkan pengeluaran dan bersedia bagi fasa kedua pembangunan medan tersebut. - ©BERNAMA



TANAH BESAR CHINA CATAT 5.32 JUTA PATEN CIPTAAN, CAP DAGANGAN HAMPIRI 50 JUTA

BEIJING, 23 Januari. - Jumlah paten ciptaan yang sah di tanah besar Republik Rakyat China telah mencapai 5.32 juta menjelang akhir tahun lalu, menurut Pentadbiran Harta Intelek Negara China pada Jumaat.

Pengawal selia harta intelek tertinggi negara itu telah meluluskan sebanyak 972,000 paten ciptaan pada tahun 2025, manakala tempoh pemprosesan permohonan paten ciptaan

telah dipendekkan kepada 15 bulan.

Purata pemilihan paten ciptaan bernilai tinggi pula telah mencapai 16 paten bagi setiap 10,000 penduduk pada tahun 2025, menurut pentadbiran berkenaan.

Terdapat lebih 4.2 juta cap dagangan didaftarkan di tanah besar Republik Rakyat China tahun lalu, dan jumlah keseluruhan cap

dagangan yang berdaftar secara berkesan telah melebihi 49.87 juta menjelang tahun 2025.

Dalam kalangan 5,000 jenama global teratas, nilai jenama Republik Rakyat China dianggarkan mencecah 1.81 trilion dolar Amerika Syarikat, sekali gus menduduki tempat kedua di peringkat global, menurut pentadbiran itu. - ©XINHUA



SEORANG kakitangan berjalan melepasi dinding paten di Ibu Pejabat Jack Technology Co. Ltd. di Bandar Taizhou, Wilayah Zhejiang, timur Republik Rakyat China, 18 Julai 2025.

PM Jepun Takaichi bubar Dewan Perwakilan bagi pilihan raya 8 Februari

TOKYO, 23 Jan. - Perdana Menteri Sanae Takaichi membubarkan Dewan Perwakilan Jepun pada Jumaat untuk pilihan raya umum mengejut pada 8 Februari ini.

Ia bagi memperoleh mandat daripada orang awam untuk meneruskan agenda dasar ekonomi dan keselamatannya dengan rakan gabungan baharu, lapor Kyodo News.

Pembubaran dewan perwakilan pada pembukaan sidang parlimen sekali gus memulakan tempoh kempen singkat untuk pilihan raya, dengan kem pemerintah dan pembangkang kedua-duanya mengetengahkan idea untuk mengecualikan cukai penggunaan ke atas makanan bagi meringankan beban isi rumah yang dilanda inflasi.

Pada pagi Jumaat, Kabinet Takaichi meluluskan usul untuk membubarkan sidang yang menempatkan 465 kerusi. Walaupun perdana menteri mempunyai kuasa untuk membubarkan dewan perwakilan ia merupakan pembubaran pertama pada permulaan sidang biasa dalam tempoh 60 tahun.

Dengan penggal wakil rakyat

dijadualkan tamat pada 2028, Takaichi mewajarkan keputusannya untuk mengadakan pilihan raya dengan alasan beliau masih belum menerima sokongan awam untuk jawatan perdana menteri yang bermula pada Oktober dan gabungan pemerintah baharu Parti Liberal Demokratik (LDP) dan Parti Inovasi Jepun ditubuhkan pada bulan yang sama.

Pilihan raya itu juga bakal menyaksikan calon bertanding bagi blok pembangkang baharu, Perikatan Pembaharuan Sederhana yang dilancarkan oleh Parti Demokratik Berperlembagaan Jepun dan parti Komeito, bekas rakan gabungan LDP selama 26 tahun.

Pakatan pemerintah mempertimbangkan penggantungan cukai penggunaan ke atas makanan manakala pakatan pembangkang mencadangkan untuk menghapuskannya.

Bagaimanapun usaha mendapatkan sumber kewangan alternatif dijangka meraih perhatian semasa kempen, di tengah-tengah kenaikan harga yang berlanjutan.

Isu politik dan wang, berikutan skandal dana haram yang melanda LDP sejak beberapa tahun kebelakangan ini serta perkara

berkaitan penduduk asing dan pelancong juga mungkin diketengahkan dalam debat pilihan raya.

Walaupun Kabinet Takaichi menikmati rating sokongan yang tinggi, blok pemerintah hanya memegang majoriti tipis di dewan perwakilan dan kekal sebagai minoriti dalam dewan kaunselor sekali gus memerlukan untuk bekerjasama dengan parti pembangkang dalam meluluskan rang undang-undang.

Keputusan Takaichi awal minggu ini untuk menetapkan tarikh pilihan raya hanya 16 hari selepas pembubaran dewan perwakilan, selang paling singkat dalam era selepas perang, telah dikritik kerana meninggalkan sedikit masa untuk pengundi menilai cadangan dasar parti yang bertanding.

Parti pembangkang turut membidas Takaichi kerana mengumumkan pilihan raya sebelum penggubalan belanjawan permulaan parlimen untuk fiskal 2026 mulai April, menuduh beliau mengutamakan pertimbangan politik.

Pilihan raya dewan perwakilan sebelum ini diadakan pada Oktober 2024. - ©BERNAMA

8 dikhuatiri hilang dalam tanah runtuh di New Zealand

WELLINGTON, 23 Jan. - Lapan orang dikhuatiri hilang di New Zealand selepas tanah runtuh ditapak perkhemahan sebuah taman percutian di barat Bay of Plenty, Pulau Utara negara itu, kata polis pada Jumaat, lapor Agensi Akhbar Jerman (dpa).

Menurut polis enam disahkan hilang manakala maklumat lanjut mengenai dua pelancong antarabangsa masih disiasat. Mangsa termuda yang hilang adalah dua remaja berusia 15 tahun, menurut polis.

Perdana Menteri Christopher Luxon menyifatkan situasi itu sebagai tragedi dahsyat (*absolute tragedy*). Beliau telah bertemu dengan ahli keluarga mangsa yang sedang menunggu perkembangan terkini.

"Mereka sangat sedih dan saya tahu New Zealand turut berduka bersama-sama mereka". Polis tidak dapat mengesahkan bilangan pelawat antarabangsa dan warga New Zealand yang hilang.

Langkah untuk meneruskan usaha menyelamatkan atau memulakan operasi pemulihan akan diputuskan dalam beberapa hari ini. Sementara itu, Xinhua melaporkan seorang warga Republik Rakyat China maut dalam bencana berkenaan, memetik kedutaan Republik Rakyat China di New Zealand pada Jumaat.

Tanah runtuh berlaku di tapak perkhemahan Mount Maunganui pada Khamis selepas kawasan itu menerima 274 milimeter hujan dalam tempoh 24 jam.

Hujan lebat dan banjir melanda beberapa bahagian di Pulau Utara yang mengakibatkan ribuan terputus bekalan elektrik dan beberapa komuniti di pantai timur pulau itu terputus hubungan.

Gunung Maunganui merupakan lokasi pelancongan popular yang terkenal dengan tapak suci M ori dan denai dengan pemandangan lautan selain aktiviti lancar ombak. - ©BERNAMA

Pembukaan semula sempadan Rafah tingkat kemasukan bantuan ke Gaza

GENEVA, 23 Jan. - Pejabat Hal Ehwal Kemanusiaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (OCHA) pada Khamis menyatakan bahawa pembukaan semula sempadan Rafah akan melancarkan pergerakan kargo dan orang ramai.

Ia turut menekankan bahawa pusat akses tambahan adalah penting untuk memperluas operasi kemanusiaan di Semenanjung Gaza, lapor Anadolu Ajansi (AA).

"Kami telah melihat laporan media. Seperti yang kami katakan sebelum ini, kami berharap untuk melihat Rafah dibuka semula tidak lama lagi bagi membolehkan pergerakan kargo dan orang ramai," kata jurucakap OCHA di Gaza, Olga Cherevko dalam kenyataan kepada Anadolu.

Kenyataan itu dibuat selepas ketua jawatankuasa peralihan baharu Gaza mengumumkan bahawa lintasan sempadan Rafah antara Gaza dan Mesir akan dibuka semula minggu depan untuk perjalanan dua hala.

"Saya dengan sukacitanya mengumumkan lintasan Rafah akan dibuka minggu depan di kedua-dua arah untuk rakyat Palestin di Gaza," kata Ali Shaath pada majlis menandatangani piagam Lembaga Keamanan. Menurut Cherevko pembukaan itu akan meningkatkan jumlah bantuan yang memasuki Gaza dengan ketara.

"Mengaktifkan semula pergerakan kargo melalui lintasan Rafah akan meningkatkan jumlah bekalan kemanusiaan yang memasuki Gaza, yang seterusnya akan meluaskan skala tindak balas kemanusiaan.

"Selain itu, mereka yang memilih untuk pergi - dan mereka yang memilih untuk kembali - mesti boleh melakukannya secara sukarela dan selamat," katanya. Jurucakap OCHA menegaskan bahawa Rafah sahaja tidak akan mencukupi untuk memenuhi keperluan kemanusiaan justeru menggesa akses yang lebih luas menerusi pelbagai laluan.

Kami terus menggesa pembukaan penuh dan berterusan lintasan tambahan ke dalam dan dalam Gaza, termasuk lebih banyak lintasan terus ke utara, dan dari Mesir, untuk barangan dan petugas kemanusiaan dan untuk penghantaran komersial," tambahnya. - ©BERNAMA

Badan kesihatan Afrika isytihar status kecemasan kesihatan benua bagi mpox ditamatkan

KIGALI (Rwanda), 23 Jan. - Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit Afrika (CDC Afrika) menamatkan status kecemasan peringkat benua bagi mpox pada Khamis, lebih setahun selepas ia disyitiharkan, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Langkah itu dibuat susulan syor daripada Kumpulan Perundingan Kecemasan CDC Africa yang menasihati Ketua Pengarah badan kesihatan itu mengenai mpox.

"Saya dengan ini mengumumkan penamatan mpox sebagai Kecemasan Kesihatan Awam bagi Keselamatan Benua.

"Keputusan ini mencerminkan peningkatan kapasiti Afrika dalam menerajui tindak balas kesihatan awam yang kompleks, berteraskan kepimpinan politik yang teguh, solidariti serantau serta perkongsian antarabangsa yang berkesan," kata Ketua Pengarah CDC Africa, Jean Kaseya dalam satu kenyataan.

CDC Afrika mengumumkan pengisytiharan status kecemasan mpox pada Ogos 2024 selepas

lonjakan kes dicatatkan di seluruh benua itu.

Sekurang-kurangnya 80,276 kes disyaki dan 1,340 kematian dilaporkan pada 2024, yang mewakili peningkatan kes lebih lima kali ganda dan peningkatan kematian dua kali ganda berbanding tempoh yang sama pada 2023.

Pengisytiharan itu membantu menggembelng usaha kolektif dan pembiayaan bagi membendung wabak berkenaan.

Hasilnya, rakan kerjasama berjaya menggembelng pembiayaan lebih US\$1 bilion, memperkukuh pengawasan berasaskan komuniti, memperluas kapasiti makmal dan penjujukan genom, serta mengagihkan lebih lima juta dos vaksin mpox di 16 negara.

Bagi CDC Afrika, usaha itu memberikan impak yang ketara apabila kes disyaki menurun sebanyak 40 peratus dan kes disahkan merosot 60 peratus antara tempoh puncak penularan pada awal 2025 dan akhir 2025.

Kadar kematian dalam kalangan kes disyaki juga turun daripada 2.6 peratus kepada

0.6 peratus, mencerminkan penambahbaikan dalam pengesanan, penjagaan, penyaluran dan akauntabiliti di semua peringkat tindak balas.

Republik Demokratik Congo merupakan negara paling terkesan, menyumbang 96 peratus daripada kes yang dilaporkan dan 97 peratus daripada jumlah kematian.

Bagaimanapun, Kaseya menegaskan bahawa penamatan status kecemasan itu bukan bermakna berakhirnya mpox di Afrika.

"Sebaliknya, ia menandakan peralihan daripada tindak balas kecemasan kepada laluan kelestarian yang diterajui negara ke arah pembasmian sepenuhnya.

Mpox kekal endemik di beberapa kawasan, dan kewaspadaan yang berterusan, pelaburan bersasar serta inovasi adalah penting bagi mengukuhkan pencapaian sedia ada dan mencegah penularan semula," katanya. - ©BERNAMA

Persiiapan rapi perlu untuk capai kecemerlangan



diraih oleh Awang Mohammad Adi Salihin bin Roslan, yang mempamerkan aksi cemerlang dalam Acara Wusyu Lelaki Nantuan-Nandao-Nangun.

Ini merupakan pingat emas keempat yang diperoleh Awang Mohammad Adi Salihin. Terdahulu beliau juga meraih pingat emas di Sukan SEA Ke-32 di Kemboja, Sukan SEA Ke-31 di Republik Sosialis Viet Nam, Sukan SEA Ke-30 di Republik Filipina.

Pada temasya Sukan SEA Ke-32 di Kemboja itu juga menyaksikan atlet negara, Wong Zheng Yu meraih pingat emas.

Selain Awang Mohammad Adi Salihin di Temasya Sukan SEA Ke-33 ini juga menampilkan atlet wusyu negara, Basma Lackhar merangkul pingat perak dalam Acara Wanita Taijijian & Taijiqian

sementara Abel@Lim Wee Yuan dan Majdurano Joel Majjalah Sain meraih pingat gangsa dalam Acara Duilian Lelaki.

Penyertaan atlet-atlet wusyu dalam kontinjen negara amat memberangsangkan apabila mereka beraksi cemerlang di gelanggang dan menyumbang pingat-pingat untuk negara.

Ternyata penyertaan atlet wusyu dalam kontinjen negara sentiasa menyerlah bermula daripada penyertaan pertama Sukan SEA Ke-25 di Republik Demokratik Rakyat Lao, membawa pulang satu perak, satu gangsa.

Penyertaan selanjutnya Sukan SEA Ke-26 di Republik Indonesia juga membawa pulang satu perak, satu gangsa.

Walau bagaimanapun, ketika menyertai temasya Sukan SEA Ke-27, 2013 di Republik Kesatuan Myanmar, atlet wusyu negara, Faustina Woo Wai Sii and Lee Ying Shi menggegar gelanggang Nay Pi Taw apabila mereka berjaya merangkul pingat emas.

Selepas kejayaan tersebut, Awang Mohammad Adi Salihin secara konsisten membawa pulang pingat emas di empat edisi temasya Sukan SEA yang berlangsung di Republik Filipina, di Republik Sosialis Viet Nam dan di Kemboja bersama Hosea Wong Zheng Yu dan terkini di Sukan SEA 2025 Thailand.

Selain sukan wusyu, Sukan Polo juga tersenarai berjaya merangkul pingat emas Sukan SEA 2019 di Republik Filipina.

Menurut catatan, sejak NBD menyertai Temasya Sukan SEA Kali Pertama di Malaysia 1977 hingga ke tahun 1985 kontinjen negara hanya mampu membawa pulang pingat perak dan gangsa.

Kemudian semasa penyertaan Sukan SEA 1987 di Republik Indonesia, Zabidi Ali merupakan pencetus kebangkitan pingat emas pertama diperoleh melalui acara pencak silat. Dua tahun berikutnya, 1989 pada Temasya Sukan SEA di Malaysia, pingat emas kedua menjelma yang diraih oleh Mejar Awang Haji Samid Haji Abd. Aziz dari Acara Menembak Skeet Perseorangan Lelaki.

Pada edisi Sukan SEA 1993 di Republik Singapura, atlet Pencak Silat Wanita, Dayang Umi Kalthum Abdul Karim pula memperoleh pingat emas ketiga.

Enam tahun selepas itu, pada tahun 1999 NBD mengambil giliran tuan rumah Sukan SEA Ke-20.

Selaku tuan rumah, atlet-atlet negara beraksi cemerlang dengan meraih empat pingat emas melalui acara pencak silat dan boling padang.

Pingat emas masing-masing diperoleh melalui Awangku Haji Mohd. Shahepol Radin bin Pengiran Haji Tajuddin; Dayang Suzana binti Haji Shahperi dan gandingan Yiga beradik, Pengiran Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Daud; Pengiran Haji Metali bin Pengiran Haji Daud dan Pengiran Haji Mohd. Rudi Wasni bin Pengiran Haji Daud manakala Pengiran Haji Tengah bin Pengiran Haji Tajuddin memperoleh pingat emas Acara Boling Padang perseorangan lelaki.

Selepas berjaya menganjurkan Sukan SEA Ke-20 itu, atlet negara masing-masing hanya memperoleh satu pingat emas pada penyertaan Sukan SEA di Republik Sosialis Viet Nam, Sukan SEA di Republik Filipina, Sukan SEA Thailand dan Sukan SEA di Republik Demokratik Rakyat Lao.

Rentetan pencapaian tersebut memperlihatkan atlet - atlet negara agak sukar menyaingi kecemerlangan lawan yang masing-masing mempunyai persiapan mantap dan pendedahan luas.

Cuma acara wusyu, pencak silat yang sedikit menyinar namun begitu berapa acara yang dulunya boleh diharapkan untuk mencapai pingat kini terumbang-ambing prestasi mereka.

Justeru, sebagai langkah awal menghadapi Temasya Sukan SEA Ke-34 di Malaysia pada tahun 2027 nanti, para atlet perlu bersedia dengan latihan cukup yang mantap di samping pendedahan luas untuk bersaing.

Penyertaan para atlet ke kejohanan serantau adalah untuk memburu kemenangan kepada negara, bukan lagi sekadar menimba pengalaman.

Oleh : Awang Haji Ahat Haji Ismail dengan kerjasama Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei
Foto : Jabatan Penerangan

TEMASYA Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-33 telah melabuhkan tirainya pada penghujung bulan Disember di Stadium Rajamangala yang penuh warna-warni dan meriah dengan kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) berjaya membawa pulang satu pingat emas, tiga perak dan lima gangsa. Tuan rumah Thailand, muncul

juara keseluruhan dengan menuai sejumlah 233 emas, 154 perak, 108 gangsa manakala Republik Indonesia di tempat kedua dengan pungutan 91 emas, 111 perak, 130 gangsa dan Republik Sosialis Viet Nam meraih 87 emas, 81 perak, 110 gangsa untuk menduduki tangga ketiga. Pingat emas tunggal yang dibawa pulang kontinjen negara





MOU KOMUNITI PACU PEMBANGUNAN BOLA SEPAK KAMPONG AYER



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Putat hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Menandatangani MoU berkenaan yang telah mengambil tempat di VIP Assembly Hall, Tingkat 4, Rizqun International Hotel, Gadong.

GADONG, Khamis, 22 Januari. - Sebagai satu inisiatif strategik ke arah memperkukuhkan kerjasama dalam pembangunan sukan bola sepak serta memperluaskan penglibatan komuniti setempat, satu Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) telah diadakan baru-baru ini di antara Majlis

Perundingan Mukim Zon 2, Kampung Ayer dengan Pasukan Bola Sepak Bolkiah Bersatu.

Majlis tersebut juga diselenggarakan penyerahan baju jersi baharu perlawanan Pasukan Bolkiah Bersatu, yang melambangkan semangat baharu, pengukuhan identiti pasukan serta

Siaran Akhbar dan Foto :
Majlis Perundingan Mukim Zon 2, Kampung Ayer

komitmen berterusan dalam meningkatkan imej, profesionalisme dan daya saing sukan bola sepak di Kampung Ayer.

Melalui pemeteraian MoU ini, kedua-dua pihak telah mencapai kata sepakat untuk menjalinkan kerjasama secara bersepadu dalam pelbagai aspek, antaranya pembangunan bakat belia, penganjuran program dan aktiviti sukan, pelaksanaan inisiatif kemasyarakatan serta usaha berterusan dalam memupuk semangat kesukanan, perpaduan dan silaturahim dalam kalangan masyarakat.

Majlis ini jelas mencerminkan kesepakatan serta sokongan padu kepimpinan mukim bersama pihak kelab dalam memastikan sukan bola sepak terus berkembang sebagai medium pembinaan sahsiah, disiplin dan perpaduan komuniti.

Diharapkan kerjasama strategik ini akan memberikan impak yang positif, berterusan dan berkekalan terhadap pembangunan sukan serta kesejahteraan masyarakat di Kampung Ayer secara amnya.

Sehubungan itu, Pasukan Bola Sepak Bolkiah Bersatu juga akan menyertai Kejohanan FA Cup Brunei 2026, selaras

dengan aspirasi dan kerjasama strategik yang dimeterai bagi memperkukuhkan pembangunan serta pencapaian pasukan di peringkat kebangsaan.

Majlis berlangsung di VIP Assembly Hall, Tingkat 4, Rizqun International Hotel, Gadong turut dihadiri oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat yang juga hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Turut hadir ialah Pengarah Mohammad Hazreen bin Pateh; Dato Paduka Haji Masri, selaku Penasihat Majlis Perundingan Mukim Zon 2, Kampung Ayer; Penghulu Mukim Zon 2, Kampung Ayer, Awang Raimi bin Awang Rashid merangkap Pengerusi Majlis Perundingan Mukim Zon 2, Kampung Ayer; Pemangku Ketua Kampung Zon 3, Kampung Ayer, Awang Rahman bin Haji Kassim; Awang Shahminan bin Haji Matzin dan Awang Shamsuddin bin Haji Maidin, masing-masing Pemangku Ketua Kampung Zon 4, Kampung Ayer; serta Presiden Kelab Bola Sepak Bolkiah Bersatu, Awang Muhd. Azmi bin Haji Masir.

Sukan Para ASEAN Ke-13: Atlet NBD rangkul pingat

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Foto : Ihsan Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Para ASEAN Ke-13 2025

BANGKOK, THAILAND, Jumaat, 23 Januari. - Dua atlet Negara Brunei Darussalam (NBD), Awang Kamarul Ariffin bin Haji Abd.

Ghaffar dan Awang Saidin bin Haji Awang Damit masing-masing berjaya meraih pingat emas dan gangsa dalam Acara Tenpin Bowling

Perseorangan Lelaki di Temasya Sukan Para ASEAN Ke-13 2025 yang berlangsung di Bangkok, Thailand.

Sementara itu, pingat perak dirangkul oleh atlet Thailand, Tanapoom Pugtra.

Dalam Acara Lontar Peluru

Lelaki pula, atlet NBD, Awang Haji Mohammad Rudy Izman bin Haji Badar berjaya meraih pingat perak selepas mengalahkan atlet Thailand, Jirawat Saksiripongsa yang meraih pingat gangsa. Manakala, pingat emas diraih oleh

atlet Thailand, Sahardam Yaena.

Di temasya Sukan Para ASEAN Ke-13 ini, NBD menyertai tiga acara sukan daripada 19 sukan yang dipertandingkan iaitu olahraga, renang dan tenpin bowling.



TIGA atlet Negara Brunei Darussalam berjaya meraih pingat di Sukan Para ASEAN Ke-13 2025 di Bangkok, Thailand, melalui Acara Tenpin Bowling dengan pingat emas dan gangsa dan Acara Lontar Peluru Lelaki dengan pingat perak.

Tahukah Awda

BENDERA Negara Brunei Darussalam dalam bentuknya yang ada sekarang kecuali lambangnya telah digunakan semenjak tahun 1906 ketika Brunei menjadi naungan berikutan dengan satu perjanjian yang ditandatangani di antara Brunei dengan Great Britain. Lambang itu telah ditekankan dalam tahun 1959 selepas Pemasyhuran Perlembagaan yang bertarih 29 September 1959. Sebelum tahun 1906, Negara Brunei tidak mempunyai bendera kebangsaan tetapi bendera perseorangan atau panji-panji peribadi banyak digunakan.

SUMBER : Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

AGAMA ISLAM MEWAJIBKAN UMATNYA UNTUK MENJAGA AMANAH, MENGHARAMKAN MELAKUKAN KHIANAT